

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2023

**FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI  
JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN**

---

**KETUA PTJ :**

AZHAN BIN HASHIM @ ISMAIL

**KETUA UNIT KUALITI :**

SITI NUR ANISAH BINTI AANI

**PENYELARAS :**

NUR'AMIRA BINTI HAMID

**PENULIS :**

1. SITI NUR ANISAH BINTI AANI
2. NUR WAJIAH BINTI MOHD NAWI
3. SAEIDAH BINTI HJ JANTAN
4. NUR SURAYA BINTI ABDULLAH
5. NUR'AMIRA BINTI HAMID
6. NURUL WAHIDA BINTI RAMLI
7. NUR FATIN MUNIRAH BINTI ARIS

8. SELVAKKUMAR A/L K N VAIAPPURI
9. DARIUS EL PEBRIAN
10. SHAMPAZURAINI BINTI SAMSURI
11. NUR HAZWANI BINTI MOHAMMAD AZAM
12. FARAH ADILA BINTI ABDULLAH
13. ABDUL MUHAIMIN BIN MOHD SHAFIE
14. SITI NURUL ATIKAH BINTI ABU SAMAH
15. SITI FAIRUZ NURR BINTI SADIKAN
16. MOHD MUHYIDDIN BIN MUSTAFA
17. NUR MAIZATUL IDAYU BINTI OTHMAN
18. MUHD AZUZUDDIN BIN MUHRAN
19. SITI MARIAM BINTI SHAMSI
20. NUR BADRIYAH BINTI KAMARUL ZAMAN
21. ZAREEN BINTI ZULKIFLI
22. MOHD KHAIRY BIN ZAHARI

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pendekatan perancangan yang digunakan oleh Kepimpinan Kanan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) adalah berlandaskan Visi dan Misi UiTM sebuah universiti yang terkemuka dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan. Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) diketuai oleh Dekan sebagai penggerak utama, dibantu oleh Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP dan Timbalan Dekan PJI. MPE juga melibatkan Ketua Unit Kualiti (KUK), Pembantu Pendaftar dan juga Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa Pengurusan Kanan iaitu Koordinator Program, Ketua Pusat Pengajian Ketua Unit dan Ketua Jabatan, bertanggungjawab untuk memastikan segala perancangan terhasil dan petunju prestasi (PI) fakulti dapat dicapai. Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) juga dibantu oleh Bahagian Hal EHWal Pelajar (BHEP) dan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) untuk menggerakkan jentera yang memastikan semua objektif program yang dijalankan akan tercapai. BHEP memastikan penglibatan pelajar secara menyeluruh dalam program-program yang dianjurkan dan pada masa yang sama juga memastikan program-program yang dijalankan memberi impak dan manfaat kepada para pelajar terutamanya dalam bidang keusahawanan. PJI pula melalui ICAN berfungsi untuk mengkoordinasi hubungan antara pihak industri dan fakulti. Disamping itu, ICAN juga menjalankan pelbagai inisiatif untuk mendekati alumni dan melibatkan alumni dalam ekosistem fakulti dan universiti secara menyeluruh.

Pelaksanaan bidang tumpuan utama iaitu jaringan industri dan keusahawanan telah dipilih berdasarkan objektif UiTM iaitu menghasilkan graduan seimbang berciri keusahawanan yang kompetitif di peringkat global serta memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri yang menekankan aktiviti keusahawanan dan hubungan kerjasama antara industri dan institusi pengajian tinggi sebagai salah satu teras strategik universiti. Sehubungan dengan itu, pihak fakulti telah menetapkan dua pusat tanggungjawab (PTJ) yang memainkan peranan penting untuk memperbanyakkan dan memantapkan lagi pelaksanaan bidang tumpuan dengan memberi kelulusan kewangan, kelulusan penggunaan tempat serta kelulusan majlis untuk memastikan setiap program yang dijalankan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) di bawah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) adalah penggerak utama dan Bahagian Hal EHWal Pelajar (BHEP) merupakan penggerak bersama.

Pemantauan terhadap bidang tumpuan dilaksanakan dengan lebih sistematik melalui pelaporan dan mesyuarat yang diadakan di setiap fasa. Pihak Pengurusan Kanan telah memberikan penekanan yang serius terhadap komunikasi terbuka agar semua pihak bertanggungjawab mudah untuk berbincang dan mengenalpasti kekangan, punca masalah dan laedah penambahbaikan yang bersesuaian. Pihak Pengurusan Kanan juga melaksanakan tindakan penambahbaikan melalui bengkel atau kursus, penyelidikan, inovasi dan pengurusan risiko. Bengkel adalah platform perkongsian ilmu dan perbincangan kaedah penambahbaikan manakala inovasi dan penyelidikan amat membantu staf yang terlibat membuat penambahbaikan bagi program-program melibatkan bidang tumpuan. Selain itu, pengurusan risiko dapat mengenalpasti risiko sesuatu program dan menjalankan kaedah kawalan yang sesuai.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pemimpin adalah individu yang memiliki tanggungjawab utama dalam mengarahkan, mengelola, dan memantau berbagai aspek yang terkait dengan fungsi dan prestasi fakulti. Pengurusan atasan fakulti terdiri daripada Professor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Dekan FPA, dan Timbalan-timbalan Dekan berperanan sebagai penggerak utama yang mendorong penyertaan warga Fakulti dalam menjayakan semua aktiviti yang melibatkan jaringan industri dan keusahawanan. Melalui kerjasama antara pengurusan utama fakulti yang diketuai oleh Professor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, dan Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan Industri, beberapa pendekatan telah dirangka dan disusun untuk memastikan pencapaian matlamat dan inisiatif strategik serta kejayaan di dalam bidang tumpuan fakulti. Bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang, pihak kepimpinan Kanan FPA telah menggunakan kaedah komunikasi berkesan seperti Majlis Amanat Dekan, Bengkel Perancangan Strategik, Mesyuarat, Laman Web Rasmi dan Sosial Media Rasmi Fakulti, Taklimat Kepimpinan kanan, dan Pekeliling (Lampiran 1.2.1).

Pada 1 Mac 2022, tapuk kepimpinan Kanan FPA telah bertukar kepada Professor. Ts. Dr. Azhan Hashim@Ismail. Namun, Pendekatan yang telah dirangka sebelum ini diteruskan lagi oleh tapuk pimpinan baharu dalam usaha untuk menjadikan FPA sebagai sebuah fakulti terunggul dalam bidang perladangan dan agroteknologi dari aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan khidmat profesional. Bagi penilaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2022, pihak pengurusan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah memilih Jaringan Industri dan Keusahawanan sebagai bidang tumpuan fakulti. Pendekatan yang diambil oleh kepimpinan kanan fakulti ini menyokong visi dan misi UiTM melalui Pelan Strategik UiTM 2025 (Lampiran 1.2.2) di mana objektif yang selari dengan bidang tumpuan adalah Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global dan Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri (Lampiran 1.2.3).

Seterusnya, kepimpinan kanan FPA juga telah mengambil pendekatan dengan merancang pelan pelaksanaan yang teratur dan memberikan dorongan serta inisiatif strategik untuk menghasilkan projek keusahawanan yang berkualiti tinggi. Bagi memastikan warga FPA berkualiti tinggi, kepimpinan kanan FPA telah menetapkan beberapa sasaran dalam petunjuk prestasi dan manual kualiti. Salah satu objektif kualiti FPA (2021 – 2025) yang menyokong dan menjayakan bidang tumpuan adalah Memastikan sekurang-kurangnya 10 aktiviti komuniti/ pengantarabangsaan/ keusahawanan dijalankan di FPA pada setiap tahun (Lampiran 1.2.4). Ini menunjukkan komitmen kepimpinan kanan FPA dalam menjayakan bidang tumpuan fakulti.

Selain itu, pendekatan yang diambil oleh kepimpinan kanan FPA dalam menjayakan bidang tumpuan adalah dengan memperkasakan Unit Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN) di bawah Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI) sebagai satu unit dalam mengukuhkan lagi kerjasama bersama industri. Hal ini dapat dilihat dengan penetapan petunjuk prestasi dibawah PJI bagi menjayakan bidang tumpuan (Lampiran 1.2.5). Seterusnya, ini dapat membantu dan menyokong ke arah Pelan Strategik UiTM 2025. ICAN terdiri daripada seorang koordinator yang dipertanggungjawabkan untuk mencapai prestasi yang ditetapkan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20231\\_FPA\\_1.2.1\\_BEBERAPA CONTOH SISTEM KOMUNIKASI BERKESAN YANG DIGUNAPAKAI DI FPA.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20232\\_FPA\\_1.2.2\\_PELAN STRATEGIK UiTM 2025.pdf](#)
3. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20233\\_FPA\\_1.2.3\\_OBJEKTIF PELAN STRATEGIK UiTM 2025.pdf](#)
4. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20234\\_FPA\\_1.2.4\\_OBJEKTIF KUALITI FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI \(2021–2025\).pdf](#)
5. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20235\\_FPA\\_1.2.5\\_PENETAPAN PENUNJUK PRESTASI PJI.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi melaksanakan objektif dan inisiatif yang dirancang, pihak Pengurusan Kanan PTJ sentiasa menggunakan komunikasi dua hala seperti di Bukti 1 untuk memastikan segala maklumat yang berkaitan dengan program-program yang dijalankan dapat disampaikan secara berkesan dan menyeluruh. Komunikasi dua hala memberi ruang kepada pihak atasan memberi arahan yang jelas kepada orang bawahan dan pada masa yang sama membenarkan orang bawahan untuk memberi pendapat dan pandangan berkenaan program yang dijalankan. Komunikasi yang berkesan ini membantu untuk memastikan semua program dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang disasarkan. Terdapat pelbagai media komunikasi yang digunakan oleh warga FPA untuk memastikan segala maklumat dapat disalurkan dengan efisien seperti di Bukti 2. Pendekatan ini secara tidak langsung berjaya mencetuskan idea baru untuk tujuan penambahbaikan sistem pengurusan FPA terutamanya dalam menyebarkan agenda bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan.

Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP dan Timbalan Dekan PJI. MPE juga melibatkan Ketua Unit Kualiti (KUK), Pembantu Pendaftar dan juga Pegawai Eksekutif. MPE merupakan penggerak utama bagi FPA yang meletakkan sasaran yang perlu dicapai oleh fakulti dan memastikan semua program yang dirancang dapat dijalankan sebaik yang boleh. Pihak Pengurusan Kanan PTJ juga dibantu oleh koordinator-koordinator PJI dan HEP untuk bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan.

Untuk Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), ianya diketuai oleh Timbalan Dekan HEP, Dr. Ismail Rakibe dan dibantu oleh koordinator Penyelaras dan Pembangunan Pelajar, Penyelarasa Kebolehpasaran Graduan, penyelaras Kemahiran Insaniah, penyelaras Sukan dan Rekreasi dan juga koordinator Keusahawanan seperti di Bukti 3. Setiap koordinator bertanggungjawab memantau dan memastikan setiap program yang dijalankan selaras dengan objektif utama BHEP. Program-program yang dijalankan harus meletakkan fokus kepada pembangunan pelajar.

Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) pula diketuai oleh Timbalan Dekan PJI, Professor Madya Ts. Dr. Shamsiah Abdullah dan dibantu oleh koordinator penyelaras Penerbitan dan Konferensi, penyelaras Penyelidikan dan Inovasi, penyelaras myRA, penyelaras ICAN dan penyelaras Alumni seperti di Bukti 4. Koordinator yang bertanggungjawab untuk bidang tumpuan jaringan industri adalah penyelaras ICAN dan Alumni. Penyelaras ICAN dan Alumni bertanggungjawab membina dan mengukuhkan hubungan antara universiti dan komuniti, industri dan alumni. Ini akan dapat memperkasakan jaringan strategik dengan rakan komuniti, industri dan alumni dan juga dapat menggalakkan penganjuran program-program berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada pelajar, universiti dan komuniti luar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB03\\_20231\\_FPA\\_1.3.1\\_KOMUNIKASI DUA HALA.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB03\\_20232\\_FPA\\_1.3.2\\_MEDIA KOMUNIKASI FPA.pdf](#)
3. [F0065\\_K01\\_KB03\\_20233\\_FPA\\_1.3.3\\_BHEP FPA.pdf](#)
4. [F0065\\_K01\\_KB03\\_20234\\_FPA\\_1.3.4\\_PJI FPA.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Komunikasi secara berkala dan konsisten bersama industri, dan badan professional dilihat sebagai salah satu pelan pemantauan berkesan yang dipraktikkan oleh kepimpinan kanan FPA. Pelan pemantauan ini membantu pihak FPA untuk memantau secara lebih efektif dan efisien. Selain itu, Pelan pemantauan ini juga boleh dijadikan sebagai platform untuk mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi bidang tumpuan. Mesyuarat dan Maklum balas secara berkala merupakan salah satu pelan pemantauan yang dilaksanakan oleh kepimpinan kanan FPA untuk memastikan pelaksanaan rancangan mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Kesemua aktiviti yang berkaitan industri dan keusahawanan yang dilaksanakan oleh fakulti akan dilaporkan kepada kepimpinan kanan FPA melalui Bahagian HEP dan PJI untuk tujuan rekod dan pemantauan. Keputusan pemantauan akan dibentangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat diperingkat fakulti seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Bahagian yang melibatkan HEP, PJI, dan HEA, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Perancangan Strategik yang diadakan secara berkala bagi memantau pelaksanaan dan pencapaian aktiviti. Maklumbalas dari mesyuarat juga dijadikan sebagai input bagi tujuan penambahbaikan pada penganjuran program akan datang.

Pemantauan terhadap keberkesanan bagi setiap program keusahawanan yang dijalankan juga akan dinilai melalui borang maklumbalas aktiviti pada akhir program (Lampiran 1.4.1.1). Analisa terhadap kefahaman, dan kepuasan hati peserta dijadikan pengukur bagi melihat keberkesanan terhadap program yang dijalankan. Selain itu, maklumbalas dari pihak industri juga dikumpulkan melalui boring maklum balas atas talian. Lampiran 1.4.1.2 menunjukkan minit mesyuarat post mortem program Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) yang membincangkan penilaian dan pemantauan terhadap sesuatu program yang telah dijalankan. Setelah itu, maklumbalas dari mesyuarat BHEP akan dibawa ke MPE melalui TDHEP. Lampiran 1.4.1.3 menunjukkan proses penyampaian petunjuk prestasi dan perancangan FPA.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_FPA\\_1.4.1.1\\_MAKLUMBALAS BAGI PROGRAM BUSINESS TALK 2.0.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20232\\_FPA\\_1.4.1.2\\_MINIT MESYUARAT POST MORTEM PROGRAM BHEP.pdf](#)
3. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20233\\_FPA\\_1.4.1.3\\_PROSES PENYAMPAIAN PETUNJUK PRESTASI DAN PERANCANGAN FAKULTI.pdf](#)
- 4.
- 5.

### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Kenal pasti risiko merupakan proses mengenal pasti dan mengumpulkan maklumat tentang potensi ancaman atau peluang yang boleh mempengaruhi matlamat, projek, atau operasi fakulti. Ia merupakan langkah asas dalam pengurusan risiko dan membentuk landasan bagi proses selanjutnya dalam mengurus risiko dengan berkesan. Tujuan utama daripada mengenal pasti risiko adalah untuk mengumpulkan data yang mencukupi bagi menilai kepentingan dan kebarangkalian berlakunya risiko tersebut.

Berdasarkan sistem pengurusan risiko UiTM, terdapat enam kategori risiko yang dikenalpasti seperti di Bukti 1. Dengan mengenal pasti risiko yang dihadapi, pihak Pengurusan Kanan PTJ dapat mencari jalan penyelesaian yang paling sesuai untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Antara risiko yang paling utama yang sering dihadapi oleh pihak Pengurusan Kanan PTJ adalah risiko kewangan. Kekangan bajet merupakan antara isu terbesar yang mengganggu perjalanan program-program yang dirancangkan oleh pihak fakulti. Walaubagaimanapun, pihak Pengurusan Kanan PTJ sentiasa mencari jalan penyelesaian untuk menjalankan program-program yang dirancangkan. Bantuan kewangan akan diajukan di dalam mesyuarat Tabung Amanah Pelajar (TAP) apabila berlaku masalah kekurangan kewangan seperti di Bukti 2. Perkara ini kemudian akan dibawa ke dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan seterusnya dipanjangkan kepada pihak bendahari universiti untuk mendapatkan dana yang diperlukan. Pihak Pengurusan Kanan PTJ juga telah mengubah semua perjumpaan dan program-program yang dianjurkan secara bersemuka ke atas talian bagi menyelesaikan masalah kekangan kewangan seperti di Bukti 3.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_FPA\\_1.4.2.1\\_KATEGORI\\_RISIKO\\_UNIVERSITI.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_FPA\\_1.4.2.2\\_MINIT\\_MESYUARAT\\_TAP.pdf](#)
3. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20233\\_FPA\\_1.4.2.3\\_PROGRAM\\_ATAS\\_TALIAN.pdf](#)
- 4.
- 5.



### 1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPA menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk memantau dan di mana bersesuaian mengukur proses-proses sistem pengurusan. Kaedah yang digunakan itu hendaklah menunjukkan proses-proses berupaya untuk mencapai hasil yang dirancangan. Apabila hasil yang dirancang tidak tercapai tindakan pembetulan dan pencegahan yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan sesuatu program keusahawanan dan jaringan industri memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pemantauan semula akan dijalankan setelah tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memastikan prestasi program keusahawanan dan jaringan industri meningkat.

FPA juga melatih dan melantik Auditor Dalaman untuk menjalankan audit dalaman sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan (Lampiran 1.4.3.1). Program audit dalaman dirancang dengan mengambil kira dapatan maklum balas berkaitan proses bidang yang diaudit selain daripada mengambil kira hasil audit yang lepas. Pengurusan yang bertanggungjawab ke atas bidang yang diaudit akan mengambil tindakan dengan segera bagi penambahbaikan dan ketidakpatuhan yang ditemui. Tindakan susulan termasuk membuat verifikasi ke atas tindakan yang telah diambil dan dibentangkan kepada pihak pengurusan FPA melalui MKSP. Pimpinan kanan FPA akan mengkaji semula maklum balas yang diperolehi secara berkala menerusi MPE atau lain-lain mesyuarat yang setara melibatkan pengurusan atasan FPA untuk memastikan ianya sesuai, berkesan dan sejajar dengan hala tuju bidang tumpuan. Hasil Kaji Semula ini akan meliputi keputusan dan tindakan yang merangkumi penambahbaikan ke atas program-program keusahawanan dan jaringan industri. Salah satu tindakan yang diambil oleh pimpinan FPA untuk meningkatkan prestasi bidang tumpuan yang dipilih adalah melalui penganjuran bengkel-bengkel, seminar, dan kursus (Lampiran 1.4.3.2).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_FPA\\_1.4.3.1\\_PEMAKLUMAN MELALUI EMAIL MENGENAI AUDIT DALAM FPA.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_FPA\\_1.4.3.2\\_TATACARA PENGANJURAN PROGRAM PENAMBAHBAIKAN PRESTASI FPA.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi merujuk kepada proses atau tindakan menggabungkan atau menyatukan perkara yang berbeza menjadi satu kesatuan yang padu atau bersepadu. Dalam pelbagai konteks, integrasi boleh merujuk kepada penggabungan komponen, sistem, atau aspek yang berbeza agar mereka berfungsi bersama dengan lancar atau efektif.

Oleh itu, pihak Pengurusan Kanan PTJ telah menjalankan pelbagai inisiatif strategik untuk memastikan semua program-program jaringan industri dan keusahawanan yang dirancang dapat mencapai objektif asal dan memberi impak yang diinginkan kepada fakulti dan juga universiti. Justeru bagi menjayakannya, pihak Pengurusan Kanan PTJ telah mengintegrasikan pihak kepimpinan kanan dan bahagian PJI dan HEP bagi mencapai petunjuk prestasi bidang tumpuan yang ditetapkan.

Hasil daripada analisa perancangan oleh kepimpinan kanan FPA maka terdapat 4 kumpulan sasaran iaitu sekolah, komuniti, industri dan alumni yang difokuskan dalam bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan.

Kumpulan sasaran pertama adalah sekolah seperti Program Agro Tour yang diadakan di Sekolah Menengah Teknik Melaka yang berlangsung pada 5 Julai 2022 melibatkan mentor dari kalangan pensyarah dan para mahasiswa untuk mendedahkan para pelajar sekolah mengenai racun serangga dan teknologi penanaman moden seperti di Bukti 1.

Seterusnya kumpulan sasaran komuniti melibatkan masyarakat luar antaranya Kursus Transformasi Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas yang telah disertai oleh 200 pengusaha nanas dari Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan juga para mahasiswa FPA. Program yang berjalan selama tiga hari dari 14 hingga 16 Jun 2022 ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para pengusaha nanas kepada cara pengurusan tanaman nanas yang lebih baik seperti di Bukti 2.

Kumpulan sasaran berikutnya, industri melibatkan kerjasama antara FPA dan Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd (PPMSB). Kerjasama antara PPMSB dan FPA memberi peluang kepada para mahasiswa untuk menjalani latihan industri di sana dan mengenali dengan lebih dekat para pekebun kecil yang bernaung di bawah PPMSB. Kerjasama dengan PPMSB membuka peluang kepada pekebun kecil untuk bertukar pengalaman dan ilmu dengan pihak fakulti seperti di Bukti 3.

Kumpulan sasaran terakhir adalah alumni melibatkan pihak fakulti dalam menandatangani memorandum persefahaman antara FPA dan Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU). Perjanjian ini membuka peluang untuk para mahasiswa lebih mengenali disamping menimba ilmu dan pengalaman dari para alumni. Kerjasama ini juga memudahkan pertukaran kepakaran di antara pihak FPA dan PAPU seperti di Bukti 4.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB05\\_20231\\_FPA\\_1.5.1\\_PROGRAM AGRO TOUR.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB05\\_20232\\_FPA\\_1.5.2\\_PROGRAM KURSUS TRANSFORMASI TEKNOLOGI DAN PENGURUSAN PENANAMAN NANAS.pdf](#)
3. [F0065\\_K01\\_KB05\\_20233\\_FPA\\_1.5.3 MOU PPMSB-FPA.pdf](#)
4. [F0065\\_K01\\_KB05\\_20234\\_FPA\\_1.5.3 MOU PAPU-FPA.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Secara keseluruhannya, pencapaian FPA menunjukkan peningkatan dari tahun 2020 sehingga 2022. Pencapaian PI pada tahun 2022 bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Perancangan Strategik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) yang dinamik telah memacu ke arah kecekapan dan kecemerlangan dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Seiring dengan perubahan masa, agenda perancangan strategik sentiasa ditambahbaik oleh Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Unit Kualiti agar inisiatif perancangan strategik yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan selari dengan petunjuk prestasi utama Pusat Perancangan dan Maklumat Strategi atau dikenali sebagai *Center for Strategic Planning and Information* (CSPI). Penetapan objektif strategik FPA adalah berdasarkan kepada agenda-agenda peringkat global dan nasional. Namun begitu, Pelan Pembangunan Strategik UiTM agenda UiTM juga sentiasa menjadi panduan utama bagi memastikan aspirasi FPA bergerak seiring dengan matlamat UiTM. Dasar-dasar utama kementerian pengajian tinggi serta agensi lain yang berkaitan juga turut menjadi panduan dalam penetapan objektif strategik fakulti.

Kepimpinan Kanan FPA UiTM memainkan peranan penting dalam menyampaikan amanat kepada warga fakulti melalui program yang diadakan. Bahagian yang bertanggungjawab perlu memastikan sasaran yang ditetapkan seiring dengan matlamat dan agenda UiTM dalam menetapkan hala tuju strategik. Ahli-ahli yang terlibat di dalam jawatankuasa perancangan strategik terdiri daripada staf akademik and bukan akademik. Bagi setiap objektif strategik, beberapa pelan tindakan telah dikenalpasti untuk mencapai sasaran sebagaimana diukur KPI dan ia akan dikendalikan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) yang bersesuaian. Bahagian utama yang menyokong bidang tumpuan pembangunan dan pengurusan pelajar di FPA ialah HEP, HEA dan PJI. Pembahagian projek mengikut bahagian yang berkaitan akan dilaksanakan di dalam mesyuarat yang diadakan.

Laporan perkembangan dan kemajuan terhadap pelaksanaan dan pemantauan pelan perancangan strategik yang dirancang juga akan dilaporkan di dalam mesyuarat fakulti pada selang masa yang ditetapkan bagi mengetahui status terkini perancangan strategik serta mendapatkan maklum balas bagi mengambil langkah proaktif dalam menangani segala isu yang menjadi limitasi terhadap pelaksanaan perancangan strategik. Analisis SWOT juga dilakukan bagi mengenalpasti faktor kekuatan, peluang, ancaman dan kelemahan yang menjadi pengukur dalam mencapai matlamat objektif strategik. Objektif strategik yang mencapai peratusan kemajuan yang rendah akan dikaji bagi memastikan ia mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, laporan perancangan strategik pada tahun sebelumnya juga sentiasa menjadi panduan dalam penambahbaikan objektif strategik agar faktor risiko yang menjadi limitasi terhadap pelaksanaan objektif strategik tidak berulang dan perancangan strategik dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dokumen pengurusan risiko akan dirujuk bagi mengurus sebarang risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan inisiatif strategik. Beberapa program juga telah dilaksanakan diperingkat fakulti sebagai persediaan awal bagi mencapai objektif strategik dalam bidang tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model pelaksanaan pelan Perancangan Strategik (PS) Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) diinspirasi daripada Model Pelan Strategik UiTM 2025. Ia bertujuan untuk memastikan objektif perancangan strategik FPA seiring dengan objektif UiTM iaitu untuk menjadi sebuah universiti keusahawanan berintensifkan penyelidikan seterusnya mencapai matlamat menjadi universiti terkemuka dunia atau "Globally Renowned University" menjelang 2025. Pengurusan Tertinggi FPA iaitu Dekan, Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar Kanan serta Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Ketua Unit Kualiti, Staf akademik, Pegawai Eksekutif dan staf pengurusan menjadi pemangkin utama dalam pelaksanaan perancangan strategik FPA. Pelaksanaan perancangan strategik FPA turut disokong oleh dua sistem sokongan yang terdiri daripada Pengurusan dan Pengukuhan Kewangan yang profesional serta Infrastruktur dan Infostruktur yang lestari. Komponen utama dan sistem sokongan yang menyokong pelaksanaan objektif strategik FPA adalah seperti dipaparkan dalam Rajah A1 pada Bukti 1.

Seterusnya pembentukan jawatankuasa perancangan strategik yang bertanggungjawab membentuk pelan strategik FPA dan memantau pelaksanaan dan pencapaiannya. Sembilan proses terlibat dalam pembangunan perancangan strategik FPA. Ia bermula dengan pelantikan Penyelaras Perancangan Strategik Fakulti dan seterusnya pelantikan Ahli Jawatankuasa. Penetapan dan pemurnian objektif strategik FPA juga dilaksanakan menerusi bengkel yang diadakan. Perancangan yang telah ditetapkan dimasukkan ke dalam sistem UePMO dan seterusnya setiap unit yang terlibat bertanggungjawab dalam memastikan pencapaian perancangan strategik FPA. Proses pembangunan perancangan strategik FPA adalah seperti dalam Bukti 2 pada Rajah A1 manakala Rajah A2 menunjukkan bukti pelaksanaan Bengkel Perancangan Strategik yang telah diadakan pada tahun 2021 dan 2022.

Secara dasarnya, pembentukan perancangan strategik FPA adalah berdasarkan kepada Dua Teras Strategik UiTM iaitu Pendidikan Berkualiti dan Kecemerlangan Global. Agenda di peringkat global seperti Matlamat Pembangunan Lestari ataupun Sustainable Development Goal (SDGs), peringkat nasional seperti Kementerian pengajian Tinggi menerusi Malaysia Education Blueprint 2015-2025, dasar-dasar kerajaan, Amanat Naib Cancellor, dasar kualiti FPA serta misi dan visi FPA turut menjadi asas dalam pembentukan perancangan strategik. Rajah A1 Bukti 3 memaparkan agenda peringkat global dan nasional yang menjadi garispanduan dan rujukan dalam pembentukan objektif strategik FPA. Hasil daripada pemurnian bengkel perancangan strategik, objektif strategik, petunjuk prestasi dan inisiatif strategik bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan telah disenaraikan. Rajah A1 pada Bukti 4 memaparkan pemilihan objektif strategik FPA berdasarkan kepada aspirasi universiti dan negara bagi mencapai bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Jadual A1 pada Bukti 5 menunjukkan objektif strategik dan inisiatif strategik yang dirangka bagi pemerkasaan jalinan industri dan bidang keusahawanan agar ia selaras dengan aspirasi universiti untuk menjadi "Globally Renowned University" menjelang 2025.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_P01\\_PB02\\_20231\\_FPA\\_2.1\\_KOMPONEN DAN SISTEM SOKONGAN YANG MENYOKONG PERANCANGAN STRATEGIK FPA.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB02\\_20232\\_FPA\\_2.2\\_PROSES PEMBENTUKAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK FPA.pdf](#)
3. [F0065\\_P01\\_PB02\\_20233\\_FPA\\_2.3\\_AGENDA PERINGKAT GLOBAL DAN NASIONAL YANG MENJADI ASAS DALAM PEMBENTUKAN OBJEKTIF STRATEGIK FPA.pdf](#)
4. [F0065\\_P01\\_PB02\\_20234\\_FPA\\_2.4\\_PENETAPAN OBJEKTIF STRATEGIK BERDASARKAN ASPIRASI UNIVERSITI DAN NEGARA BAGI MENJAYAKAN BIDANG TUMPUAN.pdf](#)
5. [F0065\\_P01\\_PB02\\_20235\\_FPA\\_2.5\\_OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK BERSERTA STRATEGI PELAKSANAAN PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif strategik FPA 2022 dirangka supaya ia selaras dengan objektif yang terkandung di dalam Pelan Perancangan Strategik UiTM

2021-2025 di mana menjurus kepada kemampunan jaringan industri dan melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan yang unggul. Bertunjangkan kepada usaha untuk mempertingkatkan peranan universiti dalam memperkasakan jaringan industri dan keusahawanan serta memastikan setiap program yang dirangka berimpak tinggi, objektif strategik FPA 2022 dirangka supaya selari dengan matlamat Kementerian Pendidikan seperti yang terkandung di dalam *Malaysia Education Blueprint 2015-2025* iaitu untuk mentransformasi modal insan yang merupakan salah satu dari tujuh teras yang dirangka dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Usaha ini dapat dilakukan dengan penawaran program dan latihan yang menjadikan kehendak pasaran dan industri sebagai rujukan utama. Pensejajaran objektif dan inisiatif strategik FPA dengan aspirasi universiti dan negara adalah seperti dalam Rajah A pada Bukti 1. *Performance indicator* dibahagikan kepada beberapa unit berkaitan di dalam sistem pengurusan FPA di UiTM. Setiap bahagian bertanggungjawab memastikan PI yang diberikan dicapai dan melibatkan golongan sasaran bersesuaian. Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh unit berkenaan bagi memastikan PI tercapai. Bukti 2 pada Rajah A1 memaparkan pembahagian PI mengikut bahagian.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB03\\_20231\\_FPA\\_2.6\\_PENSEJAJARAN OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK DENGAN ASPIRASI UNIVERSITI DAN NEGARA.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB03\\_20232\\_FPA\\_2.7\\_PEMBAHAGIAN PI KEPADA UNIT BERKENAAN DAN SISTEM FPA.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelan Pemantauan Objektif Strategik adalah seperti yang dipaparkan dalam Bukti 1 Rajah A1. Jawatankuasa Perancangan Strategik berperanan memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pelan pemantauan ini merangkumi empat fasa utama iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan.

**FASA PERTAMA** merupakan pelan perancangan. Pihak yang bertanggungjawab dalam fasa perancangan ini ialah Pengurusan Kanan Fakulti, Ketua-Ketua Bahagian, Penyelaras Perancangan Strategik dan Pengerusi Projek. Di dalam Pelan Perancangan ini, Bengkel Perancangan Strategik akan diadakan bagi merangka objektif strategik serta inisiatif strategik yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif perancangan strategik. Dalam fasa perancangan, pihak pengurusan fakulti, pusat pengajian, Jawatankuasa Audit Kualiti serta penyelaras jawatankuasa Perancangan Strategik akan mengadakan mesyuarat bagi menentukan objektif strategik yang perlu ditetapkan bagi merealisasikan fokus utama bidang tumpuan, iaitu pembangunan dan pengurusan pelajar. Pembentangan Sasaran CSPI akan dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan Eksekutif pada awal tahun.

**FASA KEDUA** pula merupakan pelan pelaksanaan. Bagi memastikan objektif strategik yang telah dirangka dapat dicapai, perlantikan Ketua Projek serta ahli jawatankuasa akan dibuat mengikut kesesuaian bahagian. Ketua Projek yang telah dilantik, bersama dengan ahli jawatankuasa akan menyediakan jadual untuk pelaksanaan program-program yang telah dirancang. Selain itu, carta proses aliran kerja serta jadual juga perlu disediakan agar inisiatif strategik yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

**FASA KETIGA** merupakan fasa pemantauan. Pelan pemantauan ini bertujuan untuk memantau dan menilai status projek yang telah dirancang. Pemantauan dilakukan berdasarkan kepada CSPI (analisa setiap suku tahun) dan hasil dapatan perkembangan pelaksanaan objektif strategik dilaporkan oleh Ketua Projek kepada ahli di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE). Pemantauan pelaksanaan inisiatif strategik dilaporkan berdasarkan kepada laporan aktiviti serta analisa terhadap maklumbalas yang diterima berkenaan dengan keberkesanan program daripada pihak yang terlibat.

**FASA KEEMPAT** ialah pelan penambahbaikan. Penyelaras Perancangan Strategik perlu membuat penilaian dan seterusnya melaporkan pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkenaan kepada mesyuarat MPE. Proses penambahbaikan akan dilakukan bagi mempertingkatkan lagi kejayaan dalam mencapai objektif strategik. Bukti pelaksanaan pelan pemantauan dalam mesyuarat fakulti ialah seperti dalam Rajah A1 dalam Bukti 2.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_FPA\\_2.8\\_PELAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGIK.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20232\\_FPA\\_2.9\\_PENAMBAHBAIKAN MELIBATKAN KUMPULAN SASAR.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Penilaian risiko dalam bidang tumpuan Jalinan Industri dan Keusahawanan FPA telah dikenalpasti. Bagi mengatasi risiko berkenaan, pelan tindakan telah dirangka. Rajah A1 dalam Bukti 1 menunjukkan analisis SWOT yang telah disediakan untuk mengatasi sebarang risiko yang telah dikenalpasti dan pelan tindakan pencegahan. Melalui analisis SWOT, empat elemen utama iaitu kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang telah dikenalpasti.

Beberapa faktor yang mempengaruhi tiga komponen utama yang terdiri daripada pelajar, sumber manusia dan logistik serta teknikal telah dikenalpasti. Antara faktor yang mempengaruhi komponen pelajar ialah risiko penyertaan pelajar dalam program yang dianjurkan. Ini mungkin juga berlaku kerana pelajar tidak peka dan kurang berminat dengan aktiviti yang dianjurkan. Bagi mengatasi risiko berlakunya perkara ini, pihak pengajur boleh membuat maklumat awal kepada pelajar dan mewarwarkan melalui platform seperti laman sesawang fakulti ataupun Facebook rasmi FPA. Pelajar-pelajar yang memberikan komitmen dan menyertai aktiviti yang dianjurkan juga akan diberikan anugerah dan sijil penyertaan. Selain itu, program yang dianjurkan juga boleh diperluaskan kepada pihak lain seperti alumni dan industri.

Bagi komponen sumber manusia pula, faktor risiko yang dikenalpasti ialah kekurangan **penglibatan** pensyarah dalam aktiviti anjuran HEP. Bagi mengatasi risiko ini, penganjur program dengan kerjasama bahagian HEP boleh membuat publisiti dan mengeluarkan surat lantikan dan sijil penghargaan kepada pensyarah yang menyertai aktiviti pembangunan pelajar. Selain itu, kekurangan kemahiran dikalangan pensyarah dalam aspek tertentu untuk menyokong pencapaian objektif strategik contohnya dalam aspek keusahawanan juga boleh menjejaskan pencapaian objektif strategik. Risiko ini juga boleh diatasi dengan melantik ketua projek dikalangan yang mempunyai sijil kemahiran selain meningkatkan kemahiran pensyarah dalam aspek keusahawanan melalui bengkel yang dianjurkan dan galakan penyertaan dalam aktiviti anjuran unit lain yang dapat meningkatkan kemahiran dan menawarkan sijil untuk mengiktiraf kelayakan. Perkongsian aktiviti juga boleh diwar-warkan kepada staf sokongan HEP dengan unit lain di FPA.

Bagi komponen logistic dan teknikal pula, risiko yang dikenalpasti ialah masalah capaian wifi dan internet pelajar yang terhad, kekangan dalam menetapkan tarikh program selain peruntukan kewangan yang terhad. Antara pelan tindakan yang boleh dilaksanakan ialah mendapatkan sumbangan ataupun khidmat kepakaran dari rakan strategik industri. Antara analisis faktor risiko dan cadangan pelan tindakan adalah seperti dipaparkan dalam Rajah A1 dalam Bukti 2.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_FPA\\_2.10\\_ANALISIS S.W.O.T. DAN KAWALAN RISIKO.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_FPA\\_2.11\\_PENGURUSAN RISIKO.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Aspek utama yang diberi penekanan dalam penambahbaikan ialah memberi keutamaan kepada pihak pelanggan. Secara umumnya, pelanggan UiTM boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pelanggan dalaman yang terdiri daripada pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik manakala pelanggan luar pula merupakan badan-badan professional, industri, alumni, komuniti dan masyarakat setempat. Selain itu, keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan juga perlu dikenalpasti agar objektif strategik yang ditetapkan memberi impak kepada pelanggan.

Cadangan penambahbaikan terhadap inisiatif strategik yang dilaksanakan diperolehi daripada pelbagai saluran. Antara penilaian dan maklum balas yang dibuat dan diterima adalah dalam bentuk surat menyurat, SUFO, e-aduan, sesi taklimat, borang aduan serta melalui media sosial seperti facebook, telegram, Instagram, WhatsApp dan sebagainya. Maklumbalas pelajar melalui SUFO juga menjadi pengukur dalam memastikan kursus yang disediakan masih relevan dan dapat melahirkan graduan yang cemerlang di peringkat global. Penambahbaikan terhadap kandungan kursus dan kriteria lain yang menyumbang kearah melahirkan graduan yang cemerlang akan sentiasa dilakukan melalui bengkel semakan semula kandungan kursus dan juga bengkel perkongsian bersama pihak industri bagi memenuhi keperluan semasa sektor perladangan dan pertanian.

FPA sentiasa komited dalam memastikan perancangan strategik yang ditetapkan setiap tahun sentiasa ada penambahbaikan. Bagi memastikan objektif strategik dicapai, analisa terhadap kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap fakulti telah dikenalpasti. Melalui Unit Pengurusan Risiko, aktiviti yang dirancang juga akan dianalisis bagi memastikan ianya selaras dengan KPI universiti dan mengenalpasti impak projek yang dilaksanakan terhadap FPA dan UiTM. Dokumen 'Panduan Pengurusan Risiko' serta 'Daftar Risiko' menjadi panduan dalam menangani, menilai, mengawal dan memastikan langkah pengawalan risiko berkenaan efektif. Contoh analisis impak objektif strategik oleh Unit Pengurusan Risiko serta kenyataan dokumen rujukan bagi menangani risiko adalah seperti dipaparkan dalam Bukti 1.

Peratusan kejayaan yang direkodkan juga menjadi pengukur dalam menangani kegagalan mencapai objektif strategik. Pembentangan kemajuan oleh ketua projek pada suku tahun pertama dapat membantu mengenalpasti sebarang halangan yang dilalui dan tindakan pencegahan yang bersesuaian dapat diambil bagi memastikan projek yang tidak mencapai sasaran dapat diperbaiki bagi mencapai sasaran. Laporan perancangan strategik pada tahun sebelumnya juga sentiasa menjadi panduan dalam penambahbaikan dan hal ini juga turut dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan eksekutif.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_FPA\\_2.12\\_ANALISIS IMPAK OBJEKTIF STRATEGIK OLEH UNIT PENGURUSAN RISIKO SERTA DOKUMEN RUJUKAN BAGI MENANGANI RISIKO.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.



## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak kepimpinan kanan FPA UiTM bagi memastikan objektif strategik yang dirangka mampu mencapai sasaran,. Antara inisiatif utama yang dijalankan adalah melalui program 'Amanat Dekan'. Melalui program ini, Dekan akan membentangkan pencapaian strategik tahun sebelumnya dan seterusnya memaklumkan sasaran objektif strategik tahun semasa untuk makluman warga FPA UiTM. Selain itu, timbalan dekan juga akan turut bersama dalam memastikan objektif strategik yang dirangka dapat dicapai.

Seterusnya, setelah pemakluman dibuat kepada warga FPA, jabatan yang berkaitan memainkan peranan penting dalam merangka program yang bersesuaian bagi mencapai sasaran objektif strategik ini. Bertetapan dengan bidang tumpuan yang memberi fokus terhadap pembangunan dan pengurusan pelajar, bahagian pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP) memainkan peranan utama dalam merealisasikan sasaran KPI FPA UiTM. Program-program yang telah dirancang akan dibentangkan kepada ahli mesyuarat bagi mendapat kesepakatan dan kelulusan terhadap penggunaan sumber yang melibatkan kewangan.

Program yang telah diluluskan juga akan digerakkan oleh ketua projek yang dilantik berserta AJK yang bertanggungjawab melaporkan kemajuan dalam projek yang dirancang. Selain amanat yang disampaikan, kepimpinan kanan juga akan memaklumkan kepada warga fakulti berkenaan dengan pencapaian yang telah dicapai, dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pada tahun semasa. Antara program yang dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai inisiatif strategik dalam bidang tumpuan adalah seperti yang dipaparkan di dalam Bukti 1.

Program yang dirancang mempunyai matlamat untuk merealisasikan objektif strategik yang ditetapkan bagi memantapkan pembangunan dan pengurusan pelajar seterusnya mampu melahirkan pelajar, cemerlang, gemilang dan terbilang yang akhirnya dapat memenuhi hasrat UiTM untuk menjadi '*Globally Renowned University*' menjelang 2025. Ia juga dapat membantu mencapai objektif strategik Kementerian Pendidikan dalam menghasilkan pelajar yang bukan sahaja berilmu, malah mempunyai akhlak yang baik serta unggul diperingkat global. Oleh itu, aspirasi kerajaan dalam menghasilkan modal insan yang dapat memenuhi pasaran industri dan seterusnya mampu meningkatkan ekonomi negara akan tercapai menjelang 2030.

**Bukti 1 : Pencapaian FPA dan Unit yang melaksanakan bidang tumpuan.**

**Bukti 2 : Aktiviti Keusahawanan Pelajar**

**Bukti 3 : Persatuan Pelajar yang membantu menjayakan aktiviti keusahawanan**

**Bukti 4 : MOU dan MOA antara FPA dan Industri**

**Bukti 5 : Penyertaan Kursus oleh Pensyarah bagi peningkatan kemahiran**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB05\\_20231\\_FPA\\_2.13\\_PENCAPAIAN FPA DAN UNIT YANG MELAKSANAKAN BIDANG TUMPUAN.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB05\\_20232\\_FPA\\_2.14\\_AKTIVITI KEUSAHAWANAN PELAJAR.pdf](#)
3. [F0065\\_P01\\_PB05\\_20233\\_FPA\\_2.15\\_PERSATUAN PELAJAR YANG TURUT MEMBANTU MENJAYAKAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN PELAJAR.pdf](#)
4. [F0065\\_P01\\_PB05\\_20234\\_FPA\\_2.16\\_MOU DAN MOA ANTARA FPA DAN INDUSTRI.pdf](#)
5. [F0065\\_P01\\_PB05\\_20235\\_FPA\\_2.17\\_PENYERTAAN PROGRAM UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN.pdf](#)



## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan adalah penting kepada organisasi seperti Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Apabila FPA dapat memenuhi keperluan pelanggan dengan sempurna, ianya sudah tentu akan meningkatkan prestasi organisasi ke tahap yang lebih tinggi dan kekal relevan. FPA sentiasa proaktif untuk memastikan keperluan pelanggan dapat dipertingkatkan secara berterusan. Pelanggan perlu dikenal pasti dan dikategorikan supaya rancangan yang tepat dapat dibangunkan berdasarkan kehendak pelanggan. Secara umumnya, pelanggan FPA boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu pelanggan dalaman, pelanggan luaran dan pelanggan spesifik. Setiap pelanggan dalam setiap kumpulan telah dikenalpasti bagi memudahkan analisis keperluan setiap pelanggan. Selain itu, kaedah mengumpul maklumat bagi tujuan mengesan keperluan pelanggan telah diperkenalkan. Data yang disimpan di dalam sistem khusus ini sangat berguna untuk memastikan perancangan dan penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan bagi memenuhi keperluan semua pelanggan FPA.

Tindakan seterusnya adalah memaksimumkan pelaksanaan setiap projek dan program yang dirancang supaya matlamat dan objektif program asal dapat dicapai, iaitu untuk memenuhi keperluan pelanggan. Rumusan kebaikan dan ganjaran yang diperoleh daripada setiap pelanggan juga dikumpul bagi memastikan keberkesanan setiap aktiviti yang dirancang. Selain itu, pemantauan rapi dan risiko bagi setiap program juga diambil kira. Maklumat hasil, ganjaran dan risiko yang dikumpul untuk setiap projek atau program ini penting bagi merangka dan melakukan penambahbaikan untuk penganjuran program pada masa hadapan serta diambil kira dalam Perancangan Strategik yang akan datang.

FPA juga telah mengambil beberapa langkah proaktif sekiranya berlaku insiden atau risiko yang tidak dijangka termasuk pelaksanaan program untuk masyarakat dan komuniti setempat. Fleksibiliti yang ada pada pihak pengurusan FPA untuk bertindak balas terhadap sebarang bentuk risiko dapat memastikan organisasi kekal relevan dan berdaya tahan serta dapat memenuhi setiap keperluan pelanggan.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan merupakan faktor penting dalam sesebuah organisasi seperti Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka Kampus Jasin. Kehendak dan kepuasan pelanggan dapat menjamin kelangsungan sesebuah organisasi. FPA adalah proaktif untuk memastikan keperluan pelanggan dapat dipertingkatkan secara berterusan. Bagi tahun 2021 dan 2022, pelan strategik FPA adalah berdasarkan pelan strategik UiTM 2025. Objektif utama pelan strategik ini adalah untuk menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka di dunia (GRU2025) berdasarkan tiga teras strategik pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai. **Bukti 3.2.1.** meringkaskan pelan strategik global UiTM 2025.

Pelanggan haruslah dikenalpasti berdasarkan keperluan penglibatan pihak berkaitan terhadap setiap program yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri atau permohonan kolaborasi yang diterima daripada pihak berkaitan. Tiga kategori pelanggan yang dikenal pasti adalah terdiri daripada pelanggan dalaman, pelanggan luaran dan pelanggan spesifik seperti yang dihuraikan dengan lebih terperinci pada **Bukti 3.2.2.**

#### Pelanggan dalaman

Pelanggan dalaman utama FPA adalah pelajar yang berdaftar dan sedang mengikuti program pengajian di FPA dan staf FPA sama ada staf pentadbiran, akademik dan sokongan. Di FPA, pelanggan dalaman pelajar mendapat perhatian khusus untuk membantu melahirkan graduan bumiputera yang unggul berdasarkan keseimbangan dan keterangkuman intelek, fizikal, emosi dan sosial. Manakala, pelanggan dalaman staf juga diberikan perhatian khusus bagi membangunkan modal insan yang berkualiti. Oleh itu, Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) memainkan peranan penting dalam menganjurkan projek-projek dan program-program yang boleh meningkatkan kemahiran insaniah kedua-dua pelanggan dalaman FPA ini.

#### Pelanggan luaran

Pelanggan luar berkaitan dengan hubungan FPA dengan industri, masyarakat dan komuniti. Hubungan dengan industri amat penting kerana ia dapat meningkatkan profesionalisme pekerja. Di samping itu, hubungan dengan industri boleh menyumbang secara positif kepada pembangunan program akademik pelajar. FPA juga memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti dengan menghubungkan mereka dengan agensi kerajaan yang berkaitan dan juga dengan industri untuk meningkatkan kemampuan hubungan tiga hala. Di bawah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri FPA, ICAN, merupakan unit yang bertanggungjawab bagi memastikan keperluan dan kepuasan pelanggan luar terutamanya industri, komuniti dan masyarakat. Pelanggan luaran terdiri daripada persatuan badan profesional, industri dan komuniti seperti yang telah diperincikan di **Bukti 3.2.2.**

#### Pelanggan spesifik

Pelanggan spesifik adalah pelanggan tumpuan tertentu yang selari dengan perancangan strategik FPA seperti Kementerian, pihak penaja dan rakan kongsi. Pelanggan yang dikenalpasti terlibat dalam menjayakan objektif setiap projek yang telah dikenalpasti dan dibincangkan di dalam mesyuarat di peringkat fakulti seperti mesyuarat pengurusan eksekutif, mesyuarat bahagian penyelidikan dan jaringan industri dan mesyuarat bahagian hal ehwal pelajar di bawah keusahawanan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_T01\\_TB02\\_20231\\_BUKTI 3.2.1.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB02\\_20232\\_BUKTI 3.2.2.pdf](#)
- 3.

- 4.
- 5.

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dengan setiap pelanggan yang dikenal pasti akan menentukan apakah keperluan utama pelanggan. Hal ini penting untuk memastikan keperluan pelanggan sentiasa dipenuhi. Selain itu, kaedah penyimpanan juga penting bagi memastikan data dan maklumat yang dikumpul dapat dianalisis bagi tujuan peningkatan berterusan prestasi organisasi. Data seperti salinan surat jemputan, maklumat pegawai untuk dihubungi, maklumbalas program serta laporan projek yang telah dijalankan akan disimpan di dalam sistem yang telah dikhususkan untuk setiap projek seperti di **Bukti 3.3.1**.

Untuk pelanggan dalaman iaitu pelajar dan staf, kepuasan dan pencapaian pelajar dan staf adalah penting kepada FPA. Maklumat pelajar dikumpul daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik melalui sistem SIMS. Manakala, data penglibatan projek pelajar dan kebolehpasaran para graduan disimpan di UPMO UiTM dan pengkalan data Bahagian Hal Ehwal Pelajar iaitu ehpeh. Bagi maklumat staf dan data penglibatan projek staf pula akan disimpan di dalam sistem Staf Portal, MyATP dan ICONS. Secara umumnya, pelanggan khususnya pelajar juga boleh membuat aduan mengenai sebarang perkara berkaitan pengurusan FPA melalui pautan e-aduan di laman sesawang Jabatan Komunikasi UiTM.

Bagi pelanggan luar, iaitu persatuan badan profesional, industri dan komuniti, terdapat bahagian yang bertanggungjawab untuk merancang dan mengurus keperluan pelanggan luar. Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) yang menguruskan secara langsung semua aktiviti yang melibatkan perundingan, perkongsian kepakaran, pemindahan teknologi dan ilmu, geran penyelidikan dan memeterai perjanjian persefahaman dan persetujuan dengan semua pihak yang terlibat. Bahagian ini melalui unit ICAN turut bertanggungjawab untuk mengawal selia sebarang jaringan kolaborasi dan projek melibatkan agensi kerajaan, industri, komuniti dan alumni FPA UiTM. Bagi projek keusahawanan pula, Koordinator Keusahawanan FPA yang dilantik akan memantau, memberikan maklum balas bagi setiap projek keusahawanan fakulti dan membuat laporan kepada Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) UiTM. Semua maklumat tentang program dan projek yang telah dijalankan akan disimpan melalui sistem-sistem yang telah diperincikan di **Bukti 3.3.1**. Sistem penting bagi memastikan penilaian dan analisis keberkesanan program dapat dilaksanakan untuk penambahbaikan pada masa hadapan. Bagi program perundingan industri atau komuniti, sistem ICONS digunakan sebagai sistem pengurusan perundingan bagi memastikan projek dapat disiapkan tepat pada masanya. Sistem SMART pula digunakan untuk memantau alumni FPA yang berjaya menjadi usahawan, menyemak jumlah perjanjian persefahaman yang telah dijalankan dengan industri dari dalam negara dan mengawal selia semua program pemindahan ilmu dan teknologi yang melibatkan industri, alumni dan komuniti. Selain itu, sistem NILAMS digunakan untuk memantau semua perjanjian persefahaman dan perjanjian persetujuan yang melibatkan industri dari luar negara. Akhir sekali adalah sistem PRIME yang digunakan untuk memantau semua projek yang melibatkan komuniti dan masyarakat setempat.

Pelanggan spesifik pula adalah pelanggan yang menjadi sasaran projek kesukarelawan dan keusahawanan yang melibatkan komuniti dan masyarakat setempat. Kebanyakan pelanggan spesifik ini adalah pelanggan luaran yang telah ditetapkan secara spesifik semasa mesyuarat di bahagian PJI sendiri bagi satu-satu projek dan program. Kebanyakan data pula diperolehi melalui pengisian borang secara atas talian yang akan diberikan kepada para pengguna.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB03\\_20231\\_BUKTI 3.3.1.pdf](#)

- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan terhadap aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan yang telah dijalankan pada tahun 2021 dan 2022 mendapati pelbagai kebaikan dan ganjaran yang diperolehi oleh kumpulan pelanggan yang disasarkan. **Bukti 3.4.1.1** menunjukkan rumusan kebaikan atau ganjaran yang diperolehi pelanggan merangkumi pelanggan dalaman, luaran dan spesifik. Bagi memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan mencapai matlamat yang telah ditetapkan, belanjawan aktiviti telah disemak dan disokong oleh bahagian PJIM&A dan HEP serta mendapat kelulusan MPE seperti di **Bukti 3.4.1.2**. Kebanyakan aktiviti jaringan industri dikendalikan oleh staf manakala bagi aktiviti keusahawanan dikendalikan oleh kelab pelajar dan wakil pelajar yang terlibat.

Pada 2021, FPA telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti jaringan industri dan keusahawanan yang melibatkan keseluruhan kumpulan pelanggan seperti di **Bukti 3.4.1.3**. Di sebalik pelbagai cabaran pasca Covid 19, aktiviti yang dilaksanakan mendatangkan banyak kebaikan seperti dapat mendedahkan para pelanggan dalaman berkenaan peluang perniagaan selepas COVID 19, serta peluang perniagaan dalam industri nenas. Aktiviti berupa geran keusahawanan dengan kerjasama Bank Rakyat pula dilihat sangat bermanfaat kerana dapat membentuk pelanggan dalaman mempunyai minda keusahawanan sejajar dengan saranan pihak MASMED seperti di **Bukti 3.4.1.4**.

Pada tahun 2022, aktiviti jaringan industri dan keusahawanan dilihat telah meningkat dan ini menunjukkan warga FPA sangat komited untuk melaksanakan dan mencapai segala sasaran yang telah ditetapkan. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah Jalinan Pintar FPA yang melibatkan 18 industri yang memberi banyak manfaat terutamanya terhadap keterlihatan fakulti di seluruh negara. Aktiviti lain yang memberi manfaat ialah Bicara Alumni Keusahawanan, Forum Keusahawanan bersama FAMA, Jabatan Pertanian dan Ahli Usahawan serta Taklimat SSM dan Tekun. Aktiviti bual bicara dan taklimat dapat memberi manfaat kerana dapat membentuk minat, kecenderungan serta pembangunan bakat pelanggan dalaman dalam bidang keusahawanan. Selain itu, keterlibatan industri seperti Pewaris Bumi Hijau dalam Program Agro Mania 2.0 dilihat dapat memberi pendedahan kepada pelanggan dalaman dan pelanggan luaran berkenaan teknologi terkini sistem fertigasi. Terdapat 2 program berbentuk geran telah dijalankan iaitu Projek Tanaman Jagung Manis Madu bagi Pelajar B40 dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Berstruktur bagi Projek Tanaman Nanas MD2. Peningkatan jumlah program seumpama ini berbanding tahun sebelumnya menunjukkan program ini memberi manfaat kepada pelanggan untuk pembudayaan awal minda seorang usahawan seperti di **Bukti 3.4.1.5**.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_BUKTI 3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_BUKTI 3.4.1.2.pdf](#)
3. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_BUKTI 3.4.1.3.pdf](#)
- 4.
- 5.



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap aktiviti jaringan industri dan keusahawanan yang dijalankan mempunyai pelbagai risiko yang dapat menjejaskan pelaksanaan atau pencapaian maklumbalas pelanggan. Kepelbagaian risiko ini melibatkan pelanggan dalaman, luaran dan spesifik seperti yang terdapat di **Bukti 3.4.2.1**. Terdapat pelbagai perancangan yang telah dibuat agar risiko di hadapi oleh setiap pelanggan dapat dielakkan atau dikurangkan. Hal ini menunjukkan, warga FPA memandang serius terhadap setiap permasalahan yang dihadapi bagi memastikan pelanggan mendapat manfaat yang telah ditetapkan.

Dari segi pelanggan dalaman, pelbagai risiko yang telah dihadapi untuk memastikan para pelajar dapat menyertai program dan aktiviti yang dijalankan. Selepas penularan wabak Covid-19, kebanyakan pelajar tidak dibenarkan tinggal di kolej dan kemasukan ke kolej diadakan secara berperingkat. Oleh itu kehadiran pelajar secara fizikal untuk setiap aktiviti sangat terhad. Bagi mengatasi masalah tersebut, terdapat banyak aktiviti keusahawanan diadakan secara atas talian dan menggunakan platform yang bersesuaian dengan pelajar. Keputusan pelaksanaan ini telah dibincangkan diperingkat HEP bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan yang sepatutnya berkaitan aktiviti keusahawanan. Manakala untuk aktiviti yang melibatkan geran berstruktur pula mempunyai risiko komitmen daripada pelajar. Hal ini kerana, untuk menjalankan aktiviti tanaman memerlukan masa yang panjang sedangkan pelajar adalah berubah-ubah untuk setiap semester. Oleh itu, perbincangan di peringkat pengurusan dan HEP memutuskan untuk melibatkan pelajar semester akhir yang akan menjalani latihan industri.

Bagi pelanggan luaran dan pelanggan spesifik pula, terdapat kesukaran untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan jaringan industri kerana terdapat kekangan dari segi masa dan penajaan luar. Oleh itu, FPA mengambil langkah untuk mengadakan program berimpak di mana penglibatan industri dalam jumlah yang tinggi dapat diadakan serentak seperti Jalanan Pintar FPA yang melibatkan 18 industri luar. Selain itu, setiap program jaringan industri dan keusahawanan mementingkan keterlibatan komuniti dari sekolah-sekolah dan penduduk setempat agar dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Perancangan seumpama ini dilihat sangat membantu untuk menyelesaikan segala risiko yang dihadapi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_BUKTI 3.4.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan FPA telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam melaksanakan pelan Perancangan Strategik FPA. Ini adalah antaranya bertujuan menyasarkan penglibatan kumpulan sasaran dalaman dalaman dan luaran untuk mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan antarabangsa. Dari tahun 2021 sehingga 2022, pelbagai projek jaringan industri dan keusahawanan difokuskan untuk penambahbaikan kepada kumpulan sasaran yang terlibat telah dilaksanakan.

Bagi memastikan penambahbaikan yang dilaksanakan mencapai sasaran yang ditetapkan, sistem E-Aduan ditambah baik dengan melantik moderator di setiap bahagian bagi mengendalikan aduan dan maklum balas pelanggan dalaman yang terdiri daripada staf dan pelajar seperti di **Bukti 3.4.3.1**. Sistem E-Aduan ini diletakkan dibawah bidang kuasa Unit Komunikasi Korporat yang dibantu oleh moderator bertanggungjawab mengendalikan aduan dan maklum balas dari pengguna. Tempoh masa yang bersesuaian akan ditetapkan bagi penyelesaian setiap aduan yang diterima. Sehingga kini, tiada aduan direkodkan yang melibatkan kepuasan pelanggan terhadap projek dan program yang dilaksanakan oleh pihak Penyelidikan dan Jaringan Industri. Selain itu, FPA melalui Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri komited untuk menambahbaik perkhidmatan pelanggan dengan mengutamakan keperluan dan keinginan pelanggan dalam penyediaan perkhidmatan.

Penambahbaikan sistem e-Aduan ini juga adalah berdasarkan keperluan dan kehendak pengguna luaran dan spesifik yang tidak dapat mengakses sistem E-Aduan, kajian selidik telah dijalankan untuk meningkatkan keberkesanan sistem. Media sosial seperti WhatsApp, Facebook Rektor dan secara persendirian kepada pengguna adalah antara sumber maklum balas yang digunakan. FPA menggunakan maklum balas yang diterima untuk mencapai objektif KPI Perancangan Strategik. Pencapaian ini memberi manfaat kepada semua secara amnya, dan secara khusus kepada pelanggan luar universiti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_Bukti 3.4.3.1 Sistem eAduan UiTM.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pengurusan kanan FPA telah mengumpul data dari pelbagai platform sepanjang 2021 dan 2022 untuk memudahkan kajian semula prospek dan mengurus pelanggan dalaman dan luaran untuk menilai keberkesanan projek yang dijalankan. Pensyarah dan pelajar telah mendapat manfaat daripada inisiatif yang dijalankan dengan mendapat rujukan kepakaran pensyarah lain, yang menunjukkan bahawa FPA mengutamakan keperluan kumpulan sasar dalaman. Tambahan pula, kepuasan pelanggan luaran FPA adalah penting dan sentiasa ditekankan oleh FPA dengan menyediakan maklumbalas menyeluruh terhadap semua projek dan program yang dijalankan.

Tambahan dari itu, pengemaskinian profil staf di laman sesawang FPA memberikan manfaat kepada FPA melalui Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri yang sentiasa memandangkan serius dalam penambahbaikan berterusan terhadap khidmat pelanggan dan ketercapaian akses pelanggan luaran. Dengan ketersediaan capaian yang boleh diakses secara umum, ini memudahkan komuniti untuk terus berhubung bagi tujuan pertanyaan am dan rujukan terus kepada staf yang berkaitan. Langkah ini diambil bagi memastikan setiap kepuasan pelanggan dalam aktiviti jaringan industri dan keusahawanan yang dijalankan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB05\\_20231\\_JADUAL 3.5.1 KEBERKESANAN INISIATIF.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan analisis merupakan elemen penting di dalam memastikan perkhidmatan FPA sentiasa berada di tahap yang membanggakan. Justeru itu, pihak FPA telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan kepada sistem pengukuran dan analisis terutamanya untuk pencapaian bidang tumpuan. Pemantauan terhadap pengukuran dan analisa data berkaitan pencapaian bidang tumpuan dilakukan melalui perkongsian maklumat dengan pihak pengurusan FPA. Hasil pemantauan dan keputusan mesyuarat kemudian dimaklumkan kepada pihak bertanggungjawab bagi tujuan tindakan penambahbaikan.

Bagi tahun 2022, program keusahawanan dan jaringan industri FPA semakin meningkat. Ini membuktikan bahawa keberkesanan dari penilaian sebelum dan selepas sesuatu program itu dijalankan. Tindakan penambahbaikan untuk program seterusnya juga dilaksanakan supaya dapat meningkatkan pencapaian bidang tumpuan. Tindakan penambahbaikan dilakukan melalui satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh dekan FPA bagi menambahbaik pencapaian secara berterusan.

Perancangan pengukuran tahap pencapaian dilaksanakan oleh Unit Strategik Transformasi Universiti dan Unit Pengurusan Kualiti FPA agar selari dengan objektif dalam Rancangan Malaysia ke-11 dan Perancangan Strategik UiTM 2025.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat beberapa projek yang dilaksanakan di bawah Jaringan Industri dan Keusahawan di antaranya adalah MoU and MoA bersama industri, penglibatan bersama industri dalam pelbagai program di bawah NGO, kerajaan, sekolah dan bukan kerajaan, aktiviti dan geran keusahawanan. Partnership program di dalam latihan industri pelajar juga telah dilaksanakan bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan oleh fakulti dapat dicapai sepenuhnya.

Pendekatan ini merujuk kepada strategi dan metodologi yang digunakan dalam mengukur dan menilai pencapaian dalam bidang tumpuan yang dipilih. Penerangan ini melibatkan penjelasan tentang kepentingan pendekatan ini dalam memastikan keberhasilan dan kecemerlangan dalam bidang tumpuan. Terdapat 3 indikator untuk menilai pencapaian seperti di bawah:

**Prestasi Indeks Pencapaian:** Pengukuran pencapaian dibentangkan dalam bentuk jadual item ukuran dan peratus indeks pencapaian (**Lampiran 4.2.1**).

**Borang Penilaian:** Digunakan untuk menilai keberkesanan dan cadangan sebelum dan selepas sesuatu program diadakan (**Lampiran 4.2.2**) dan boleh dirujuk di dalam sistem SMART (**Lampiran 4.2.3**).

**Kehadiran peserta:** Indikator yang menunjukkan keberhasilan sesuatu program dengan keterlibatan peserta dan juga kesesuaian program terhadap peserta (**Lampiran 4.2.4**). Ia juga penting untuk FPA merancang program seterusnya dan ini boleh diakses di sistem SMART (**Lampiran 4.2.5**).

Ukuran-ukuran ini memberikan petunjuk tentang pencapaian dan kesan positif dalam bidang keusahawanan dan jaringan industri di FPA.

Pengumpulan data adalah mengikut carta alir prosedur pengurusan data dibawah tanggungjawab Koordinator CSPI, pelaporan dari unit yang bertanggungjawab dan penasihat program yang terdiri daripada staf FPA.

Bagi memastikan data strategik fakulti sentiasa relevan, FPA sentiasa membuat pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_A01\\_AB02\\_20231\\_FPA\\_4.2.1\\_PI FPA DI BAWAH ICAN.pdf](#)
2. [F0065\\_A01\\_AB02\\_20232\\_FPA\\_4.2.2\\_CONTOH BORANG PENILAIAN PROGRAM.pdf](#)
3. [F0065\\_A01\\_AB02\\_20233\\_FPA\\_4.2.3\\_LAPORAN PENILAIAN SELEPAS PROGRAM.pdf](#)
4. [F0065\\_A01\\_AB02\\_20234\\_FPA\\_4.2.4\\_CONTOH BORANG KEHADIRAN DALAM BENTUK GOOGLE FORM.pdf](#)
5. [F0065\\_A01\\_AB02\\_20235\\_FPA\\_4.2.5\\_LAPORAN KEHADIRAN PESERTA.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak FPA memastikan data dikumpul secara berkala dan di analisa untuk digunakan dalam membuat penilaian bagi memastikan pencapaian tahunan dapat dihasilkan (**Lampiran 4.3.1**). Selain itu ianya dapat membantu pihak PTJ merancang aktiviti dan keterlibatan staf supaya sasaran dapat dicapai pada penghujung tahun. Pihak ICAN membantu proses permohonan serta memantau semua aktiviti yang dirancang di FPA.

Bagi pencapaian keseluruhan, sistem SMART (**Lampiran 4.3.2**) digunakan untuk merekod aktiviti yang telah dijalankan di bawah jaringan industri dan keusahawanan. Sistem ini membantu menyimpan semua data pelaporan program aktiviti-aktiviti komuniti dan kesukarelawan di seluruh sistem UiTM.

Selain itu, data yang diperolehi juga akan dikemaskini didalam sistem UePMO version 3 (**Lampiran 4.3.3**). Pengemaskinian data akan dilakukan oleh penyelar CSPI selepas mesyuarat laporan pelan strategik setiap bulan. Laporan CSPI menjadi sumber rujukan utama penganalisaan data-data. Kebolehcapaian ini menunjukkan Fakulti sentiasa bersedia dan berusaha dalam memastikan setiap perancangan dapat di laksanakan dengan jayanya.

Disetiap fakulti, seorang Koordinator ICAN telah dilantik bagi membolehkan dan memastikan data-data aktiviti yang dijalankan dapat di ambil dan direkod (**Lampiran 4.3.4**). Koordinator dilantik akan mengumpulkan data secara berkala untuk pelaporan seterusnya (**Lampiran 4.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB03\\_20231\\_FPA\\_4.3.1\\_LAPORAN PENCAPAIAN ICAN FPA 2022.pdf](#)
2. [F0065\\_A01\\_AB03\\_20232\\_FPA\\_4.3.2\\_UITM SMART SISTEM.pdf](#)
3. [F0065\\_A01\\_AB03\\_20233\\_FPA\\_4.3.3\\_UePMO SISTEM.pdf](#)
4. [F0065\\_A01\\_AB03\\_20234\\_FPA\\_4.3.4\\_SURAT LANTIKAN KOORDINATOR ICAN FPA.pdf](#)
5. [F0065\\_A01\\_AB03\\_20235\\_FPA\\_4.3.5\\_MESYUARAT ICAN FPA.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan secara bulanan dan pencapaian suku tahunan yang di laporkan oleh setiap unit kepada penyelaras CSPI akan di gunakan untuk menentukan pencapaian pembangunan pelajar. Hasil penganalisan data melalui pembentangan di dalam mesyuarat oleh pihak yang bertanggungjawab dan pengemaskinian data di dalam sistem UePMO version 3 adalah lebih jelas. Penambahbaikan prestasi pembangunan pelajar dapat di akses dengan lebih cepat dan tepat. Oleh itu, penambahbaikan dapat di laksanakan dengan lebih komprehensif.

Melalui data terkumpul, perbandingan dibuat diantara pencapaian yang lepas dengan pencapaian semasa. Perkongsian maklumat telah diadakan melalui pelbagai platform seperti platform elektronik dan media massa.

Selain itu, maklumat hasil analisa data pencapaian prestasi semasa berkaitan Bidang Tumpuan dikongsi dan dibentangkan oleh Ketua Unit Kualiti FPA dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif untuk tujuan tindakan penambahbaikan dan mitigasi.

Bukti 1 (**Lampiran 4.4.1.1**) yang berikut menunjukkan contoh proses carta alir berkenaan pemantauan pencapaian dan penambahbaikan prestasi yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Manakala Bukti 2 (**Lampiran 4.4.1.2**) menunjukkan contoh rekod yang telah dikemaskini selepas program melalui sistem e-RMS (Sistem Pengurusan Risiko).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_FPA\\_4.4.1.1\\_CARTA ALIR PENCAPAIAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI.pdf](#)
2. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_FPA\\_4.4.1.2\\_REKOD PEMANTAUAN SELEPAS PROGRAM.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Bagi mengenalpasti risiko dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, proses pengukuran risiko yang berikut telah dijalankan, iaitu mengenal pasti risiko, menilai risiko, membangunkan pelan pengurusan risiko, melaksana pelan pengurusan risiko serta menyemak semula dan memantau pelan pengurusan risiko. Proses tersebut dilaksanakan melalui perjumpaan bersama penyelarasa risiko FPA yang dijalankan dengan kekerapan sekali dalam setahun.

Aspek yang amat penting dalam mengenalpastian risiko adalah pengumpulan data yang elektif berkaitan bidang tumpuan. Seperti yang sedia maklum, pengurusan risiko adalah amat penting dalam pengukuran analisa dan pengetahuan kerana boleh menjejaskan fokus dan pencapaian CSPI fakulti dan pelan strategic UiTM. Inisiatif pembangunan pelajar tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti berdasarkan Bukti 1 (**Lampiran 4.4.2.1**) melalui manual kualiti MK. UITM. FPA. 01. yang menunjukkan manual yang digunakan sebagai panduan pengurusan risiko.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_FPA\\_4.4.1.2\\_MANUAL\\_KUALITI.pdf](#)



#### 4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPA menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan setiap suku tahun di mana laporan akan di keluarkan kepada ketua PTJ. Oleh itu, langkah proaktif akan dapat di ambil untuk menambah serta memperkasakan pelaksanaan bidang tumpuan.

Di antara langkah yang di ambil, pemerkasaan program akan dilaksanakan dengan penglibatan pensyarah sebagai penasihat dimana pensyarah akan diberikan surat lantikan yang akan menyumbang kepada prestasi pensyarah. Bukti 1 (**Lampiran 4.4.3.1**) menunjukkan minit mesyuarat suku tahunan laporan CSPI dan Bukti 2 adalah contoh surat lantikan pensyarah (**Lampiran 4.4.3.2**).

Selain itu, pemantauan pencapaian ini juga dilakukan oleh Unit Kualiti bersama CSPI fakulti (**Lampiran 4.4.3.3**). Pembentangan status pencapaian ini akan mengambil kira pencapaian objektif, dapatan audit dan status pencapaian CSPI yang secara tidak langsung dapat menambah baik pencapaian prestasi FPA selaras dengan Pelan strategik UiTM.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_FPA\\_4.4.3.1\\_MINIT MESYUARAT CSPI.pdf](#)
2. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_FPA\\_4.4.3.2\\_SURAT LANTIKAN PENSYARAH.pdf](#)
3. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20233\\_FPA\\_4.4.3.3\\_PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berdasarkan data yang dikumpul dan di analisa terdapat banyak penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh FPA (**Lampiran 4.5.1**). Antaranya adalah menggalakkan penglibatan staf dalam program khidmat masyarakat dan sukarelawan kerana ianya telah memberi peluang kepada staf untuk menimba pengalaman baru, menambah ilmu pengetahuan dan juga meningkatkan kepakaran dalam bidang masing-masing. Selain itu, pada tahun 2022, FPA melengkapkan sasaran sebanyak 100% untuk jumlah nilai kewangan yang diterima dari pihak luar serta yang dibelanjakan FPA untuk program USR (*University Social Responsibility*) dan KTP (*Knowledge Transfer Programme*) (**Lampiran 4.5.2**). KTP program merupakan kolaborasi yang saling menguntungkan bagi kedua-dua pihak. Ini kerana di setiap program KTP yang dirancang oleh FPA, terdapat aktiviti pembelajaran, pertukaran kepakaran dan pemindahan pengetahuan melalui perkongsian idea kreatif dan inovatif, hasil penyelidikan, pengalaman dan kemahiran di antara universiti, industri dan juga masyarakat. Bilangan MoU/MoA bersama industri (**Lampiran 4.5.3**) dalam dan luar juga semakin meningkat pada tahun 2022 berbanding sebelumnya (**Lampiran 4.5.4**).

Seterusnya aktiviti keusahawanan dan geran yang diterima di peringkat FPA juga meningkat. Terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan di bawah *Partnership* bersama industri untuk latihan industri pelajar dan aktiviti kerjaya. Jumlah geran pada tahun 2022 juga meningkat (**Lampiran 4.5.5**). Demi menyedari kepentingan *visibility* sesebuah universiti terutamanya di peringkat fakulti, FPA telah meningkatkan jumlah program bersama industri dan komuniti. 4 geran berjumlah RM4500 keseluruhan yang diperolehi juga menjadi indikator bahawa kepakaran staf di FPA telah diiktiraf di peringkat luar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB05\\_20231\\_FPA\\_4.5.1\\_TINDAKAN PENAMBAHAN BAIKAN FPA.pdf](#)
2. [F0065\\_A01\\_AB05\\_20232\\_FPA\\_4.5.2\\_PROGRAM KEUSAHAWANAN FPA 2022.pdf](#)
3. [F0065\\_A01\\_AB05\\_20233\\_FPA\\_4.5.3\\_SENARAI MoU dan MoA FPA BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)
4. [F0065\\_A01\\_AB05\\_20234\\_FPA\\_4.5.4\\_LAPORAN PENCAPAIAN ICAN FPA 2022.pdf](#)
5. [F0065\\_A01\\_AB05\\_20235\\_FPA\\_4.5.5\\_GERAN KEUSAHAWANAN FPA 2022.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan strategik UiTM 2025 menekankan kerjasama strategik bersama alumni, industri, dan institusi akademik. FPA telah melaksanakan aktiviti berdasarkan pelan ini, dengan tumpuan utama kepada keusahawanan dan rangkaian industri. Bahagian sumber manusia merupakan peranan yang besar untuk mencapai objektif itu. Staf terlatih dilantik, terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan kerjasama industri sebagai koordinator. Melalui kursus daripada pelbagai badan keusahawanan, staf memahami konsep keusahawanan dan membantu pergerakan aktiviti. Sasaran prestasi dicapai dengan berjaya, aktiviti keusahawanan dilaksanakan pada 2021 hingga 2022. Penghargaan diberikan kepada peserta, staf, dan pelajar yang berjaya menjalinkan kerjasama industri. Pengiktirafan dicapai melalui media sosial. FPA telah berjaya menjalankan pelan UiTM 2025 dengan cemerlang melalui penekanan keusahawanan dan rangkaian industri.

Pengurusan FPA telah mengambil tindakan strategik untuk meningkatkan kepakaran sumber manusia. Program bersama industri membolehkan staf akademik dan pengurusan berkolaborasi dalam projek khusus, memperoleh pengalaman industri dan mengenal pasti isu semasa. MOU/MOA dengan industri memupuk pertukaran pengetahuan dan peluang kerjasama. Kepakaran bersama diwujudkan melalui perbincangan dan perbincangan bersama pakar industri. Kursus khas dan bimbingan individu diberikan untuk pembangunan kerjaya dalam bidang tumpuan kepada staf. Kolaborasi penyelidikan antara staf yang berbentuk keusahawanan juga dijalankan. Sokongan diberikan dalam projek keusahawanan dan inovasi oleh pihak pengurusan. Dengan ini, FPA memaksimumkan kepakaran sumber manusia dan berdaya saing dalam menggerakkan keusahawanan dan jaringan industri.

Hal ini dapat dilihat apabila pihak pengurusan FPA mempunyai pelbagai inisiatif untuk menangani aduan sumber manusia dan kekangan terutamanya apabila melibatkan program dalam kalangan staf akademik seperti mendapatkan maklumbalas kehadiran peserta di dalam program, mengadakan mesyuarat pasca nilai, penggunaan borang E-Aduan, dan seterusnya melaksanakan tindakan pencegahan. Segala inisiatif ini dapat membantu pengurusan FPA untuk menambak lagi dalam pelaksanaan program dan dapat mencapai tahap kepuasan hati yang maksima terhadap persekitaran dan sistem kerja dalam organisasi seterusnya dapat meningkatkan produktiviti, motivasi, kualiti persekitaran serta memberikan pengalaman yang terbaik kepada staf.

Pengurusan FPA telah melaksanakan pengurusan risiko untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya masalah atau insiden yang berkaitan dengan sumber manusia yang boleh memberi impak yang negatif terhadap pengurusan FPA. Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) telah dilaksanakan untuk menambah baik pencapaian serta kualiti fakulti secara berterusan. Seterusnya, Langkah penambahbaikan yang dilaksanakan adalah melalui Bengkel Perancangan Strategik ini dilaksanakan adalah untuk memetakan hala tuju fakulti agar selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 disamping mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan warganya. Hasil tindakan bagi isu mengenai pengurusan akademik juga dianalisis melalui Mesyuarat Tabung Pembangunan Akademik (TAPA). Tindakan ini dapat meningkatkan hubungan antara organisasi dan individu, memperbaiki prestasi, dan memastikan kepuasan semua pihak yang terlibat.

Kejayaan pembudayaan hasil daripada tindakan penambahbaikan diperlihatkan apabila kerjasama FPA dengan industri disokong secara positif melalui hebahan akhbar. Ini membawa manfaat kepada FPA dan memperkuatkan hubungan MoU/MoA dengan industri melalui Program Jalinan Pintar FPA pada 2022. Kerjasama ini menyokong objektif kualiti, misi dan visi FPA serta Pelan Strategik UiTM 2025. Hubungan dengan industri diraikan dalam majlis pertukaran memorandum. Pembudayaan ini juga mendorong kerjasama dengan sekolah setempat dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Jasin. Kerjasama ini melibatkan elemen keusahawanan dan industri, menyokong objektif unit kualiti FPA (2020-2025).



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berdasarkan pelan strategik UiTM 2025 yang menyenaraikan pengukuhan pakatan strategik bersama alumni dan dan industri melalui perkongsian strategik dengan pemain industri terkemuka dan institusi akademik bertaraf dunia, FPA telah merangka pelbagai aktiviti menjurus kepada pelan ini. Pelan ini telah mengambil kira kepelbagaian yang diperhalusi dan digerakkan melalui sumber manusia. Setelah itu, ketanggungjawapan oleh pihak jaringan industri dan keusahawan FPA telah dijalankan melalui objektif unit kualiti FPA seperti di **Bukti 1**. Pada tahun 2021, pihak sumber manusia telah dibentuk dengan staf-staf yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan serta mendapat sijil pengiktirafan dan terlibat dalam aktiviti keusahawanan untuk pengamanahan sebagai koordinator ICAN, dan MASMED bagi mendukung integriti sebagai pusat penyelarasan kesemua aktiviti keusahawanan dan jalinan industri seperti Lampiran **Bukti 2**. Pada tahun 2021 dan 2022 juga, pihak sumber manusia telah menyasarkan penglibatan staf untuk menyertai kursus dan aktiviti yang dianjurkan oleh Institut Keusahawanan Negara seperti di **Bukti 3**. Selain dari itu, pihak sumber manusia juga menghantar staf untuk kursus yang dijalankan oleh Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) dan MYISKANDAR seperti di **Bukti 3**. Kursus yang dijalankan oleh badan-badan beriktiraf membantu staf untuk penguasaan konsep keusahawanan serta dapat membantu membimbing pelajar-pelajar dalam menjalankan aktiviti keusahawanan bersama pihak industri.

Hasil dari sasaran PI yang ditetapkan, aktiviti berkaitan keusahawan dan jaringan industri telah dilaksanakan pada 2022 oleh staf dan pelajar-pelajar FPA. Pihak koordinator MASMED dan ICAN yang dilantik oleh sumber manusia menjadi medium komunikasi antara dengan pelajar secara aktif di dalam aktiviti melibatkan program keusahawan serta program yang melibatkan pihak Industri sepanjang 2021 dan 2022 seperti di **Bukti 4**. Pelajar-pelajar tersebut menjalankan aktiviti dengan pemantauan pihak Koordinator MASMED dan ICAN FPA. Penglibatan para pelajar direkodkan oleh pihak MASMED FPA serta program yang diadakan dilaporkan dalam bentuk buletin dan perlu dihantar ke unit PJI sebagai rujukan penglibatan seperti **Bukti 4**.

Setiap aktiviti yang dijalankan akan diberi merit dan sijil penghargaan. Pada tahun 2021 dan 2022, Unit Kualiti FPA telah mengadakan Hari Anugerah Kualiti dan Apresiasi Fakulti Peladangan dan Agroteknologi. Koordinator dan staf yang pro aktif dalam keusahawanan serta terlibat secara aktif menjalankan aktiviti untuk MoU dan MoA serta proses kolaborasi dengan pihak industri dalam aktiviti melibatkan pelajar telah diberi anugerah dan sijil penghargaan seperti di **Bukti 5**. Pihak Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) turut memberi sijil penghargaan terhadap pencapaian cemerlang iaitu jumlah kolaborasi bersama IPT, NGO dan pihak Industri serta jumlah pelajar yang terlibat dengan inovasi IPT seperti di **Bukti 5**. Penghargaan juga diberikan kepada pihak staf dan pelajar melalui hebahan di bawah tanggungjawab Unit Koporat dalam sosial media seperti platform *Facebook* di bawah akaun Fakulti Peladangan dan Agroteknologi seperti di **Bukti 5**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_S01\\_SB02\\_20231\\_FPA 5.2.1.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB02\\_20232\\_FPA 5.2.2.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB02\\_20233\\_FPA 5.2.3.pdf](#)
4. [F0065\\_S01\\_SB02\\_20234\\_FPA 5.2.4.pdf](#)
5. [F0065\\_S01\\_SB02\\_20235\\_FPA 5.2.5.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Untuk menjayakan bidang tumpuan yang telah dipilih, pengurusan FPA telah mengambil langkah strategik dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia. Ini adalah penting untuk memastikan staf akademik dan staf pengurusan memiliki pengetahuan dan kemahiran terkini untuk bersaing dalam industri pertanian yang semakin kompleks. Pengurusan fakulti memperkenalkan program bersama industri yang membolehkan staf akademik dan staf pengurusan bekerjasama secara langsung dengan pemain industri dalam projek-projek khusus. Ini memberi staf peluang untuk belajar dari pengalaman industri, mengaplikasikan pengetahuan dalam konteks praktikal, dan mengenal pasti isu-isu semasa dalam bidang pertanian dan agroteknologi seperti di **Bukti 1**.

Fakulti turut menjalinkan perjanjian Memorandum of Understanding (MOU) atau Memorandum of Agreement (MOA) dengan syarikat dan organisasi industri. Ini membolehkan pertukaran pengetahuan, sumber, dan peluang kerjasama yang bermanfaat. MOU/MOA juga dapat membuka pintu kepada peluang latihan, penyelidikan bersama, dan projek inovasi seperti di **Bukti 2**. Pengurusan FPA sentiasa menggalakkan perkongsian kepakaran antara staf akademik dan staf pengurusan. Ini boleh melibatkan sesi perbincangan, kuliah jemputan oleh pakar industri, atau projek penyelidikan bersama yang membawa bersama-sama perspektif akademik dan praktikal seperti di **Bukti 3**. Fakulti menyusun kursus khas yang fokus pada aspek-aspek penting dalam bidang pertanian dan agroteknologi. Kursus ini dibangunkan dengan mempertimbangkan perkembangan semasa dan keperluan industri. Selain itu, bimbingan individu diberikan kepada staf untuk merancang perkembangan kerjaya yang sesuai dengan bidang tumpuan seperti di **Bukti 4**.

Pengurusan fakulti mendorong kolaborasi penyelidikan di antara staf akademik dan staf pengurusan. Ini melibatkan projek-projek penyelidikan bersama yang memberi peluang kepada staf untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam menjawab soalan-soalan penyelidikan yang relevan dengan industri seperti di **Bukti 4**.

Fakulti memberikan sokongan kepada staf yang berminat untuk menerapkan pengetahuan dalam projek-projek keusahawanan atau inovasi. Ini merangsang perkembangan inisiatif kreatif dan pengaplikasian pengetahuan dalam bentuk praktikal. Staf diberi kebenaran untuk menghadiri konferens dan seminar industri untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang perkembangan terkini, inovasi, dan cabaran dalam industri pertanian dan agroteknologi seperti di **Bukti 5**.

Dengan mengambil langkah-langkah ini, FPA membuktikan komitmen dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia untuk mencapai keunggulan dalam bidang tumpuan. Dengan menyediakan pelbagai peluang pembelajaran, penyelidikan, dan kolaborasi dengan industri, pengurusan fakulti membina tenaga kerja yang terampil dan berdaya saing dalam memajukan bidang pertanian dan agroteknologi di Malaysia.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB03\\_20231\\_FPA 5.3.1.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB03\\_20232\\_FPA 5.3.2.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB03\\_20233\\_FPA 5.3.3.pdf](#)
4. [F0065\\_S01\\_SB03\\_20234\\_FPA 5.3.4.pdf](#)
5. [F0065\\_S01\\_SB03\\_20235\\_FPA 5.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan FPA memahami kepentingan kepuasan sumber manusia dan pengendalian aduan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang produktif dan positif. Dalam usaha untuk meningkatkan tahap kepuasan hati dan menangani aduan sumber manusia dengan efisien, FPA telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya ialah melalui maklumbalas kehadiran berserta komen dan cadangan. Hal ini dapat membantu untuk membuat sebarang penambahbaikan bagi program yang dilaksanakan. Pasca nilai juga dilaksanakan untuk menilai segala kekangan ketika pelaksanaan program dan mengemukakan cadangan penambahbaikan seperti di **Bukti 1**. Seterusnya, inisiatif yang diambil adalah melalui penggunaan borang e-aduan online UITM, serta memastikan penggunaan prosedur pengendalian aduan dan maklum balas pelanggan, tindakan pembetulan, dan tindakan pencegahan yang sesuai. FPA telah menggunakan borang aduan [E Aduan](https://www.uitm.edu.my/index.php/ms/e-aduan) (<https://www.uitm.edu.my/index.php/ms/e-aduan>) sebagai platform untuk staf dan pelanggan luar memberikan aduan, maklum balas, atau cadangan secara mudah dan efisien. Ini membolehkan aduan direkodkan dengan teliti dan seterusnya memudahkan pengurusan untuk mengenal pasti corak yang berulang atau isu-isu yang memerlukan perhatian. Selain itu, Prosedur Pengendalian Aduan dan Maklum Balas Pelanggan. FPA memastikan bahawa terdapat prosedur yang jelas untuk mengendalikan aduan dan maklum balas pelanggan seperti di **Bukti 2**. Langkah-langkah yang sistematik termasuk pengesanan, penilaian, pelaksanaan tindakan, dan penilaian semula. Ini membantu memastikan bahawa tiap-tiap aduan diberikan penyelesaian yang berkekalan. Sekiranya aduan menggambarkan masalah atau kecacatan dalam proses atau sistem kerja, tindakan pembetulan dilaksanakan. Pihak pengurusan FPA akan bekerjasama untuk memastikan langkah-langkah yang diperlukan diambil untuk mengatasi isu-isu tersebut. Seterusnya adalah Tindakan Pencegahan seperti di **Bukti 3**. Prosedur tindakan pencegahan disusun berdasarkan pengalaman daripada aduan sebelumnya. Ini membantu mencegah kejadian serupa berulang dan memastikan kesilapan atau masalah dapat dielakkan di masa depan. Akhirnya, Pengendalian Aduan dengan Teliti seperti di **Bukti 4**. Setiap aduan yang diterima diberikan perhatian serius oleh pihak pengurusan FPA. Aduan dianalisis untuk memahami akar masalah dan kesan yang mungkin.

Dengan mengamalkan pendekatan sistematik dalam mengendalikan tahap kepuasan sumber manusia dan aduan, FPA telah membuktikan komitmen terhadap kualiti persekitaran kerja dan kesejahteraan staf. Melalui penerapan prosedur pengendalian aduan dan maklum balas pelanggan yang komprehensif, FPA mampu memperbaiki dan menyempurnakan sistem mereka untuk memberikan pengalaman terbaik kepada sumber manusia sedia ada.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_FPA 5.4.1.1.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_FPA 5.4.1.2.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_FPA 5.4.1.3.pdf](#)
4. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20234\\_FPA 5.4.1.4.pdf](#)
- 5.

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko mempunyai beberapa langkah seperti yang ditunjukkan di **Bukti 1**. Secara ringkasnya, langkah pertama ialah mengenal pasti risiko, kemudian menganalisis risiko, membangunkan pelan penilaian risiko, melaksanakan pelan pengurusan risiko, menyemak semula dan memantau pelan pengurusan risiko. Setiap langkah ini disertakan dengan komunikasi dan perundingan yang sesuai, dan termasuk pemantauan dan semakan. Proses tersebut dilaksanakan melalui perjumpaan bersama Penyelaras Risiko dalam Bengkel Pengurusan Risiko yang dijalankan dengan kekerapan sekali dalam setahun seperti dinyatakan dalam laporan **Electronic Risk Management System (eRMS)** bagi tahun 2021 sehingga 2022 seperti yang ditunjukkan di **Bukti 2 dan Bukti 3**. Setiap bahagian/fakulti/jabatan/unit mengenalpasti kategori risiko, keterangan risiko dari segi punca dan impak risiko, membuat penilaian mengenai risiko iaitu merujuk kepada kawalan risiko yang sedia ada dan membangunkan pelan pengurusan risiko iaitu cadangan untuk kawalan risiko untuk dibentangkan dan dimurnikan dalam bengkel berkenaan. Hasil yang diperolehi daripada bengkel didokumentasikan dalam bentuk laporan dan seterusnya dimuatnaik ke dalam sistem eRMS. Contoh risiko yang didaftarkan di dalam laporan eRMS ditunjukkan seperti di **Bukti 4**.

Pengurusan risiko ini diselaraskan oleh penyelaras pengurusan risiko daripada jabatan BHEP. Tugas dan tanggungjawab jabatan adalah untuk mengatur perbincangan dengan pengurusan fakulti, mengeluarkan notis mengenai penyerahan daftar risiko, menerima daftar risiko, menganalisis pengurusan risiko, menyemak laporan dan mengambil tindakan, menyerahkan laporan penilaian kepada urusetia ISO untuk menyediakan dokumen pembentangan mesyuarat, menyediakan laporan dan membentangkannya dalam mesyuarat, menyerahkan laporan kepada Unit Pengurusan Risiko Universiti dan akhirnya mengukur keberkesanan langkah-langkah yang diambil.

Terdapat banyak risiko yang dihadapi ketika mengendalikan program terutamanya program bersama industri. Antaranya ialah penceramah tidak dapat hadir di saat akhir. Tindakan yang perlu diambil daripada risiko ini adalah dengan meminta orang dalaman atau pensyarah untuk menjadi penceramah sandaran. Selain itu, ketidakcukupan maklumbalas daripada pelajar mengenai pengisian program untuk penambahbaikan. Tindakan yang perlu diambil untuk menangani risiko ini adalah dengan mewajibkan para pelajar memberi komen/cadangan melalui borang maklumbalas yang disediakan. Mesyuarat pengendalian risiko dilakukan seperti dalam Lampiran ....

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_FPA 5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_FPA 5.4.2.2.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_FPA 5.4.2.3.pdf](#)
4. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20234\\_FPA 5.4.2.4.pdf](#)
- 5.



### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPA telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mengukur kepuasan tenaga kerja dan telah mengambil kira semua maklum balas yang diterima daripada tenaga kerja. Senarai kaedah ini boleh didapati seperti di **Bukti 1** . Segala laporan, aduan dan maklum balas yang diterima oleh Bahagian PJI akan dibincangkan secara menyeluruh bagi mencari penyelesaian kepada sebarang isu yang timbul. FPA mengambil pendekatan proaktif dalam pengurusan sumber manusia, bertujuan untuk membantu ahli fakulti dalam mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan mereka. Oleh itu, pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia terus dilaksanakan untuk memotivasikan ahli fakulti.

Seterusnya, terdapat lebih kurang 20 anugerah yang dipertandingkan meliputi keushawanan, antaranya ialah Anugerah Pensyarah Proaktif. Anugerah ini dapat menjadi inspirasi kepada kakitangan untuk terus memberikan sumbangan yang luar biasa. Anugerah ini telah disampaikan di dalam Majlis Apresiasi Staf FPA dan boleh didapati di **Bukti 2**.

Selain itu, hasil tindakan dianalisis dan dikaji semula untuk penambahbaikan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) yang dipengerusikan oleh Dekan FPA UiTMCMKJ, bagi menambah baik pencapaian serta kualiti fakulti secara berterusan. Emel telah dihantar kepada semua staf untuk menghadiri perbincangan mengenai isu-isu yang timbul berkaitan dengan pengurusan universiti dan akademik dan tindakan penambahbaikan diputuskan dalam mesyuarat tersebut. Contoh emel jemputan bagi Mesyuarat Pengurusan Eksekutif tahun 2022 ditunjukkan seperti di **Bukti 3**.

Seterusnya, hasil tindakan juga dianalisis melalui bengkel pelan strategik fakulti dan ia sebagai salah satu usaha untuk merancang lebih banyak lagi program-program untuk fakulti. Objektif Bengkel Perancangan Strategik ini dilaksanakan adalah untuk memetakan hala tuju fakulti agar selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 disamping mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan warganya. Bengkel ini juga dapat memastikan segala perancangan dan pelaksanaan aktiviti dapat dijalankan sejajar dengan aspirasi universiti. Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) telah berjaya menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik bagi tahun 2021 dan 2022 seperti di **Bukti 4**. Hasil tindakan bagi isu mengenai pengurusan akademik juga dianalisis melalui Mesyuarat Tabung Pembangunan Akademik (TAPA). Tindakan ini adalah salah satu mekanisme bagi menjajar halatuju dan mengawal tindakan berkaitan hal-hal *pembangunan* serta *pengurusan akademik* . Contoh emel bagi jemputan menghadiri Mesyuarat TAPA bagi tahun 2022 ditunjukkan di **Bukti 5**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_FPA 5.4.3.1.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_FPA 5.4.3.2.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_FPA 5.4.3.3.pdf](#)
4. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20234\\_FPA 5.4.3.4.pdf](#)
5. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20235\\_FPA 5.4.3.5.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penanda aras bahawa tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan berada di tahap yang baik adalah apabila kerjasama antara FPA dan pihak industri dihebahkan secara positif melalui akhbar seperti di **Bukti 1**. Selain dari itu, kesan pembudayaan positif yang mapan ini telah memberi manfaat bukan saja kepada warga FPA tapi turut memberi impak positif serta kepercayaan dimana hubungan erat MoU/MoA diperkukuhkan dengan pihak industri contohnya Program Jalinan Pintar FPA bersama industri pada 2022 seperti di **Bukti 2**. Kerjasama pintar yang dijalinan berjalan seiring demi memacu objektif unit kualiti FPA, misi dan visi FPA dan juga Pelan Strategik UiTM 2025. Selain dari itu, pihak industri turut diraikan dalam majlis-majlis yang diadakan oleh pihak FPA. Keberkesanan tindakan penambahbaikan oleh sumber manusia memperlihatkan keyakinan dan kepercayaan pihak industri terhadap pihak FPA melalui majlis pertukaran memorandum seperti di **Bukti 3**.

Pembudayaan yang terhasil di FPA akibat keberkesanan tindakan penambahbaikan menggalakan terjalin kerjasama dengan komuniti setempat iaitu pihak sekolah. Namun begitu, FPA juga mengadakan kerjasama bersama pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) daerah Jasin sebagai pusat tanggungjawab bagi pihak sekolah seperti di **Bukti 4**. Kerjasama yang dilaksanakan juga menerapkan elemen keusahawanan dan industri. Ini membantu mencapai objektif unit kualiti FPA (2020-2025)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20231\\_FPA 5.5.1.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20232\\_FPA 5.5.2.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20233\\_FPA 5.5.3.pdf](#)
4. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20234\\_FPA 5.5.4.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi amat komited dalam memastikan capaian program di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan selaras dengan halatuju UiTM yang menuju ke arah sebuah universiti yang berketrampilan dan mesra masyarakat. Dalam masa yang sama, UiTM juga menjadikan keusahawanan sebagai dasar tunjang utama yang selari dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2023 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan berjaya. Bagi memastikan capaian dan kejayaan program di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini, tumpuan kepada operasi adalah sangat ditekankan oleh pihak FPA bagi merealisasikan dan memastikan capaian objektif serta tujuan program. Proses-proses utama serta prosedur-prosedur operasi telah dijana secara sistematik dan efisien oleh Unit Jaringan Industri dan Keusahawanan untuk memudahkan proses dan operasi perjalanan bagi setiap program yang berkaitan. Pendekatan secara holistik juga telah digariskan oleh pihak fakulti melalui perancangan strategik fakulti dan Dasar Objektif Kualiti FPA. Setiap program yang berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah dirangka berlandaskan model PDCA (Plan, Do, Check, Act) serta mengguna pakai carta alir yang disediakan mengikut jenis program. Dalam masa yang sama, risiko-risiko yang bakal dihadapi sentiasa dikenal pasti serta diuruskan dengan cara yang terbaik bagi memastikan capaian dan kejayaan program di bawah bidang tumpuan yang difokuskan. Penambahbaikan serta modifikasi dalam setiap kaedah pengurusan risiko sentiasa dijalankan di peringkat pengurusan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi supaya dapat membantu menghasilkan tahap pembudayaan yang berkesan bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Dengan komitmen serta tumpuan kepada operasi melalui pelbagai kaedah yang telah ditekankan, ia seharusnya dapat membantu memberikan impak yang positif terhadap perkembangan fakulti serta industri dan masyarakat serta secara tidak langsung dapat membantu dalam peningkatan bilangan pelajar yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Sejajar dengan perancangan Rancangan Malaysia ke 12, Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025 serta Dasar Objektif Kualiti FPA, sasaran utama PTJ secara proaktif menggariskan pendekatan tertentu seperti memastikan sekurang-kurangnya 10 aktiviti komuniti/pengantarabangsaan/keusahawanan dijalankan setiap tahun. Hal ini telah disampaikan kepada seluruh warga fakulti oleh Dekan ketika majlis Amanat Bersama Rektor seperti lampirkan Bukti 1. Dalam memastikan FPA sentiasa memberikan kualiti perkhidmatan yang cekap, sistematik dan efisien, FPA sentiasa memastikan operasi jaringan industri dan keusahawanan yang dijalankan mengikut prosedur operasi yang telah ditetapkan. Setiap program yang dijalankan mestilah melalui ketiga-tiga proses seperti permohonan, pemantauan dan pelaporan.

Dalam menjaminkan kejayaan sesuatu program, pihak PJI, HEP serta pengurusan FPA sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi. Segala fasiliti yang ada juga digunakan sebaiknya antaranya auditorium, dewan seminar dan rumah hijau (milik FPA) seperti di lampirkan pada Bukti 2.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_O01\\_OB02\\_20231\\_FPA\\_6.2.1\\_TAKLIMAT PENYAMPAIAN PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [F0065\\_O01\\_OB02\\_20232\\_FPA\\_6.2.2\\_FASILITI FAKULTI YANG DIGUNAKAN BAGI MENJALANKAN PROGRAM.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setiap program keusahawanan dan jaringan industri yang dijalankan termasuklah aktiviti kemasyarakatan dan tandatangan MOU/MOA menggunakan model Plan, Do, Check, Action (PDCA) secara umumnya seperti di lampiran Bukti 1 dan juga secara khususnya haruslah mengguna pakai carta alir proses kerja sebagai rujukan seperti di lampiran Bukti 2. Pemohonan yang melibatkan aktiviti keusahawanan mestilah dibuat oleh pelajar atau penasihat menggunakan borang permohonan iaitu Borang C yang boleh dimuat turun melalui laman web fakulti atau UiTM. Borang yang dihantar perlu disemak dan di bawa ke mesyuarat Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) yang di adakan sebulan sekali untuk disahkan dan diluluskan. Manakala bagi permohonan MoU/MoA mestilah menggunakan sistem Nilam.

Proses pemantapan yang sistematik dilaksanakan dengan penganjuran program keusahawanan dan jaringan industri bagi memastikan inisiatif yang disediakan bertujuan meningkatkan penglibatan staf dan juga industri yang ditetapkan oleh FPA dapat dicapai. Proses pelaksanaan ini diperkukuhkan lagi dengan membuat hebahan beserta liputan kepada pelajar, staf dan komuniti melalui beberapa platform antaranya aplikasi Whatsapp, Facebook rasmi FPA serta media cetak digital (mynewshub.uitm) di Bukti 3 bagi meningkatkan lagi keterlibatan semua pihak. Penggunaan platform seperti media sosial sangat mudah dan cepat pada masa kini, maka wajarlah ia menjadi satu pilihan yang tepat.

Aktiviti keusahawanan dan jaringan industri yang dilakukan oleh FPA terbahagi kepada dua jenis. Yang pertama adalah aktiviti yang melibatkan seminar/bual bicara/forum manakala jenis kedua adalah di lapangan. Keterlibatan industri/komuniti luar mahupun alumni dalam aktiviti FPA sangat dititikberatkan. Oleh itu, Program Jalinan Pintar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi Bersama Industri telah diadakan selama 2 hari (19-20 Oktober 2022) seperti di lampirkan Bukti 4. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya pameran, forum dan majlis pertukaran MoU/MoA bersama 18 industri. Antara industri/agensi/komuniti yang terlibat adalah Terra Drone Technology Malaysia, Plnt People Sdn Bhd, FAMA, Jabatan Pertanian, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan alumni.

Bagi aktiviti yang melibatkan lapangan, beberapa geran bukan penyelidikan seperti lampiran Bukti 5 telah diberikan kepada pelajar sebagai inisiatif untuk memulakan projek keusahawanan tanaman seperti cili fertigasi dan nanas MD2. Segala fasiliti atau kemudahan yang ada di fakulti telah digunakan sebaiknya oleh pelajar bagi menjayakan projek mereka. Pemantauan oleh pihak berkaitan juga turut dilakukan bagi memastikan perjalanan projek tanaman mereka berjaya. Setelah selesai, laporan haruslah dihantar dan akan digunakan sebagai rujukan bagi penambahbaikan untuk program yang akan dijalankan pada masa akan datang.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20231\\_FPA\\_6.3.1\\_MODEL PDCA YANG DIGUNAKAN DALAM SETIAP PROGRAM.pdf](#)
2. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20232\\_FPA\\_6.3.2\\_CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KERJA.pdf](#)
3. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20233\\_FPA\\_6.3.3\\_HEBAHAN DAN LIPUTAN PROGRAM.pdf](#)
4. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20234\\_FPA\\_6.3.4\\_GAMBAR SEKITAR PROGRAM JARINGAN DAN INDUSTRI YANG TELAH DIJALANKAN.pdf](#)
5. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20235\\_FPA\\_6.3.5\\_SURAT KELULUSAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN BERGRAN.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan kelancaran setiap program anjuran FPA, pemantauan program dilakukan secara terus sebelum, semasa dan selepas program berlangsung. Sebelum program berlangsung, pihak terlibat boleh mendapatkan maklumat dengan terperinci seperti garis panduan, template kertas kerja, lain-lain borang serta laporan program yang boleh dimuat turun di laman sesawang fakulti di Bukti 1. Selain itu, senarai semak juga dilampirkan bersama borang sebagai panduan kepada pemohon bagi memastikan setiap prosedur dituruti.

Setiap program keusahawanan atau jaringan industri yang hendak dijalankan di peringkat fakulti termasuklah aktiviti kemasyarakatan, program keusahawanan dan majlis tandatangan persefahaman MOU/MOA bersama pihak industri juga haruslah memenuhi keperluan dalam senarai semak seperti di lampiran Bukti 2. Pihak pengurusan FPA telah mengguna pakai senarai semak ini bagi memastikan sebarang program dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik. Senarai semak ini digunakan sebagai rujukan dan garis panduan oleh pihak PJI dan HEP dalam menjalankan sebarang program.

Semasa program berlangsung, pemantauan secara fizikal dilakukan sama ada oleh penasihat program, pensyarah dan wakil staf HEP fakulti yang bertugas dengan menghadiri program tersebut sehingga tamat. Sejurus selepas tamat program, pengarah/pengerusi program perlu menyediakan satu set pelaporan program dalam bentuk 'soft copy' yang mengandungi beberapa keping gambar dikepilkan sekali sebagai lampiran sepanjang program dijalankan. Laporan berkenaan beserta buletin ini perlu diemailkan kepada pihak HEP fakulti dalam tempoh 2 minggu selepas program berkenaan tamat seperti di lampiran Bukti 3. Sekiranya pelaporan tidak dihantar dalam tempoh yang diberikan, pihak HEP akan menghubungi pengarah dan penasihat program berkenaan bagi memberi peringatan tentang keperluan menghantar laporan. Peringatan akan terus diberikan sehingga laporan akan diperolehi oleh HEP. Laporan berkenaan kemudiannya akan disemak oleh pegawai HEP yang dilantik untuk meneliti dan membuat analisa keberkesanan program berkenaan berdasarkan borang permohonan yang dimajukan oleh pemohon sebelum ini. Penghantaran pelaporan program amat penting bagi mendapatkan maklumbalas program serta membuat penambahbaikan.

Selain daripada pemantauan secara fizikal, laporan ini juga akan diserahkan kepada penyelaras perancangan strategik (CSPI) untuk tujuan rekod dan ia dilakukan secara berkala dengan menggunakan sistem pemantauan berdaftar iaitu Sistem SMART di Bukti 4 bagi program berkaitan alumni atau komuniti. Manakala Sistem Nilam untuk tujuan perekodan program selain daripada itu seperti di Bukti 5.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_GAMBARAJAH 6.3.1 - MUAT TURUN PEKELILING GARIS PANDUAN.pdf](#)
2. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_JADUAL 6.3.1 - SENARAI SEMAK.pdf](#)
3. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_GAMBARAJAH 6.3.2 - LAPORAN PROGRAM - FPA BULETIN.pdf](#)
4. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_GAMBARAJAH 6.3.3 - SISTEM SMART.pdf](#)
5. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20235\\_GAMBARAJAH 6.3.4 - SISTEM NILAM.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa kategori risiko dalam perancangan pencapaian program di bawah bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan di dalam Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) dan antara risiko yang boleh dikenal pasti adalah kesukaran untuk mendapatkan rakan kolaborasi bagi menjayakan program-program di bawah bidang tumpuan. Tahap risiko bagi kesukaran untuk mendapatkan rakan kolaborasi ini adalah tahap rendah di mana pasukan Fakulti telah menjayakan pelan pengurusan risiko dengan cara meningkatkan kebolehlihatan FPA melalui MoU dan MoA bersama dengan agensi-agensi dan komuniti yang berkaitan. Pelan tindakan ini dapat dilihat melalui kejayaan Program Jalinan Pintar FPA 2022 di mana satu program menandatangani MoU dan MoA bersama dengan 18 industri dan komuniti telah diadakan pada 20 Oktober 2022. Kategori risiko kedua yang dapat dikenal pasti dalam menjayakan program-program dalam bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan adalah permohonan kertas kerja yang tidak lengkap. Tahap risiko bagi kategori ini adalah rendah di mana pihak Fakulti di bawah Unit Bahagian Jaringan Industri dan ICAN serta Keusahawanan telah mengambil pendekatan untuk memastikan kertas kerja permohonan perlu disaring dan disemak dahulu oleh penasihat program. Kertas kerja permohonan hendaklah dipastikan supaya menepati semua garis panduan dan senarai semak keperluan dokumentasi yang telah disediakan sejurus dapat membantu menyelesaikan kategori risiko yang berkaitan ini. Selain daripada itu, terdapat kategori risiko lain yang dapat dikenal pasti iaitu tidak menepati protokol atau kehendak perundangan. Kategori risiko ini juga berada pada tahap rendah di mana ia akan dapat diselesaikan dengan memastikan program-program yang dirancang dan ingin dilaksanakan di bawah bidang tumpuan perlu mengikuti segala garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Fakulti dan UiTM. Dalam pada itu, terdapat dua kategori yang telah dikenal pasti berada di tahap sederhana. Di antaranya adalah kesukaran untuk mendapatkan dana kewangan bagi memastikan kejayaan berimpak setiap program yang dirancang di bawah bidang tumpuan. Pihak pengurusan fakulti telah mengubah dasar program daripada “offline” kepada “online” namun masih mengekalkan objektif program bagi mencapai perancangan strategik di bawah bidang tumpuan berkaitan. Akhir sekali, antara risiko yang dapat dilihat adalah gangguan kepada projek atau program yang boleh menyebabkan ketertangguhan. Pihak FPA telah mengambil pendekatan dengan cara mengadakan kontrak bertulis bersama ahli projek bagi memastikan kejayaan program.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_FPA\\_6.4.2 JADUAL RISIKO YANG DIKENAL PASTI DAN PENGURUSAN RISIKO YANG DIJALANKAN.pdf](#)
- 2.
- 3.

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Seterusnya, setiap bahagian akan membuat pelaporan bagi setiap aktiviti dalam program yang dijalankan dengan terperinci dalam mesyuarat bulanan yang dikenali sebagai Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) di peringkat fakulti. Pelaporan ini dilakukan sebelum dan selepas program berlangsung bagi mendapatkan maklumbalas keseluruhan program. Segala isu-isu berbangkit sepanjang pelaksanaan program akan dibincangkan diperingkat fakulti dan unit bagi memastikan objektif pelaksanaan program dapat dicapai dengan dengan optimum.

Setiap laporan aktiviti yang disemak dan sebarang dapatan atau syor akan dilaporkan dalam laporan audit. Laporan audit ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Selidik Program (MKSP). Mesyuarat ini bertujuan untuk mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti UiTM. Di peringkat fakulti, satu lantikan khas telah diwujudkan iaitu penyelaras risiko bagi tujuan menyelaras dan memantau risiko sedia ada. Lampiran bukti lantikan dinyatakan dalam Bukti 1.

Terdapat pelbagai isu yang timbul bagi melaksanakan program dan tindakan penambahbaikan perlulah dilakukan. Untuk itu, satu tindakan holistik dilakukan oleh pihak fakulti antaranya ialah mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan isu-isu dan masalah berbangkit yang timbul sepanjang pelaksanaan program. Tindakan seterusnya ialah mengkaji semula bagi membuat penambahbaikan ke atas semua program anjuran fakulti. Antara isu berbangkit lain yang sering menjadi isu utama ialah kos perbelanjaan bagi pelaksanaan yang kelihatan tidak telus. Selain itu, terdapat sebahagian program yang dianjurkan tidak mendapat sokongan dari pihak penceramah kerana tidak dapat hadir ke program di saat akhir. Terdapat juga isu dimana sebahagian projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan seterusnya menjadi projek tertangguh dan tertunda.

Walaupun bagaimanapun, segala program yang berlangsung mendapat bantuan sokongan penuh dari pihak kepimpinan di peringkat fakulti. Segala isu dan masalah yang timbul akan dibawa dan dibentangkan semula ke mesyuarat TAPA antaranya mendapatkan kelulusan tambahan peruntukkan sekiranya program berkenaan memerlukan tambahan kos penganjuran.

Disamping itu, pihak urusetia program juga akan cuba sedaya upaya mendapatkan dana melalui tajaan dari pihak luar bagi menampung sebahagian kos penganjuran program. Terdapat juga sebahagian program ditukarkan daripada secara fizikal kepada dalam talian. Pihak universiti juga telah melanggan platform persidangan dalam talian seperti Webex seperti Bukti 2. Platform ini dapat memudahkan penganjuran program secara dalam talian dan ini perlu mendapatkan bantuan daripada Unit IT kampus.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_GAMBARAJAH 6.5.1 - SURAT LANTIKAN PENYELARAS RISIKO.pdf](#)
2. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_GAMBARAJAH 6.5.2 - UiTM WEBEX.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.



## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan dan warga Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah memberikan komitmen dan galakan yang sangat tinggi dalam memastikan segala perancangan dan perjalananan semua program atau aktiviti yang berteraskan kepada bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini dapat dikekalkan serta ditambah baik. Ini sekaligus dapat membantu untuk menghasilkan tahap pembudayaan yang konsisten daripada setiap perancangan dan kejayaan program/aktiviti serta dapat memberi impak yang positif terhadap pihak industri, komuniti dan aspek keusahawanan. Beberapa contoh program dan inisiatif utama telah diadakan bagi membantu merealisasikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Antaranya adalah program CEO Talk, di mana program ini adalah satu program yang berteraskan seminar atau perkongsian yang disampaikan oleh wakil-wakil industri bertaraf CEO dalam bidang berkaitan kepada para pelajar, warga fakulti dan komuniti yang terlibat termasuk pelajar sekolah, kolej-kolej serta institusi-institusi. Program ini telah dijadikan sebagai salah satu program rutin tahunan bagi memberikan pendedahan berkaitan industri yang berkaitan dan memberi impak yang sangat baik kepada perkembangan mahasiswa FPA sendiri beserta dengan institusi-institusi lain, industri serta masyarakat dan komuniti yang turut serta sekaligus membantu mencapai objektif jaringan industri seperti yang diharapkan. Selain daripada itu, program e-Karnival Kerjaya Sektor Perladangan bersama Alumni juga adalah satu pembudayaan yang telah dapat dilihat di FPA yang dapat membantu memberi pendedahan berkaitan peluang kerjaya berdasarkan industri-industri yang berkaitan. e-Karnival Kerjaya FPA ini adalah program rutin tahunan yang mengumpulkan majikan-majikan daripada industri-industri beserta alumni daripada industri berkaitan untuk memberi pendedahan berkaitan peluang pekerjaan kepada para mahasiswa daripada FPA, kolej vokasional, institusi berkaitan serta masyarakat setempat. Inisiatif ini juga turut membantu dalam meningkatkan kadar kebolehan pasaran siswazah peringkat fakulti khususnya dan UiTM amnya. Dalam pada itu, antara pembudayaan lain yang boleh dikenal pasti dapat merealisasikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini adalah Program Jalinan Pintar FPA bersama Industri. Program ini merupakan satu program jalinan kerjasama menandatangani MoU dan MoA yang telah diadakan bersama 18 industri yang terlibat yang dapat membantu meningkatkan kebolehlihatan FPA serta memudahkan kerjasama strategik bersama dengan industri yang berkaitan. Antara program pembudayaan lain yang turut dijadikan sebagai program yang dapat membantu menonjolkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah program SULAM bersama dengan pelajar-pelajar sekolah terutamanya di mana program ini merupakan program rutin yang dijalankan pada setiap semester pengajian bagi menerapkan perkongsian ilmu penanaman serta keusahawanan kepada para pelajar sekolah terutamanya bagi memberikan pendedahan yang positif daripada aspek penanaman, pertanian serta keusahawanan. Akhir sekali, Projek Jalinan Bestari FPA dengan kerjasama FAMA dan Agrobank telah diadakan bagi membudayakan elemen penanaman, pemasaran serta keusahawanan dalam kalangan para mahasiswa serta membantu mendapatkan pulangan dana kewangan yang telah dilaburkan. Ia turut memberi impak kepada kebolehlihatan FPA dalam masyarakat setempat dari segi pemasaran hasil jualan tanaman seperti cili dan nenas sekaligus mencapai objektif bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan yang ingin diperluaskan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB05\\_20231\\_FPA\\_6.5 RAJAH AMALAN PROGRAM PEMBUDAYAAN YANG TERHASIL.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Perancangan Strategik

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil utama kepada perancangan strategik dirangka selari dengan perancangan strategik fakulti dan UiTM yang dirancang setiap awal tahun mengikut KPI yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Unit UiTM. Segala aktiviti yang dilaksanakan perlulah memberi impak kepada jaringan industri dan keusahawanan secara khusus. Aktiviti yang dijalankan merangkumi penglibatan staf fakulti, para pelajar, usahawan luar dan alumni dalam meningkatkan jalinan masyarakat dan perkongsian informasi berkaitan keusahawanan. Kecekapan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) serta Kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (FPA) dalam menjalankan aktiviti adalah di nilai berdasarkan KPI fakulti yang dicapai mengikut peratus setiap KPI yang telah diunjurkan. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan di dalam peratusan pencapaian Perancangan Strategik secara keseluruhan pada tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022. Pada tahun 2019, fakulti memperolehi 69% manakala pada tahun 2020 terdapat peningkatan sebanyak 3% menjadikan markah 71% yang dikumpul oleh pihak fakulti secara menyeluruh. Pada tahun 2021, fakulti sekali lagi memperolehi kenaikan sebanyak 8% menjadikan markah keseluruhan sebanyak 79%. Pada tahun 2022, julung-julung kalinya fakulti memperolehi 6 bintang pada pencapaian perancangan strategik iaitu 87%.

Tahap 7.1.2 : Sebanyak 21 kerjasama MoU dan MoA telah dilaporkan sehingga tahun 2022 diantara Fakulti Perladangan dan Agroteknologi dan organisasi di dalam Malaysia seperti di dalam jadual yang tersenarai. Organisasi yang tersenarai mempunyai pembabitan yang meluas di dalam Malaysia terutamanya di dalam bidang perladangan dan pertanian.

Tren 7.1.3 merujuk kepada tren pencapaian hasil dari perancangan strategik mengikut sasaran yang ditetapkan. Graf menunjukkan pencapaian strategik yang dicapai secara menyeluruh termasuk aktiviti penyelidikan industri dan keusahawanan.

Perbandingan 7.1.4 menunjukkan perbandingan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan di dalam pelbagai peringkat.

Kepentingan 7.1.5 Pencapaian dan aktiviti pelajar yang memberi impak kepada fakulti, universiti dan negara secara keseluruhan.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB02\\_20231\\_FPA\\_7.1.2\\_Gambarajah.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB03\\_20232\\_FPA\\_7.1.3\\_Gambarajah.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB04\\_20233\\_FPA\\_7.1.4\\_Gambarajah.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB05\\_20234\\_FPA\\_7.1.5\\_Gambarajah.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **HASIL SUMBER MANUSIA**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia memainkan peranan yang sangat penting dalam mencapai hasil yang baik di lingkungan organisasi. Di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, sumber manusia merupakan tulang belakang utama dalam meningkatkan kualiti fakulti dan menjayakan semua program yang dianjurkan. Sumber manusia yang melibatkan staf akademik, pengurusan, staf sokongan dan juga pelajar amat penting dalam memastikan fakulti dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan juga dapat menghasilkan para pelajar yang berdaya saing. Bagi bidang jaringan industri dan keusahawanan, pihak fakulti berkerjasama dengan MASMED dan juga industri-industri yang terlibat dalam perladangan dan pertanian bagi memastikan objektif fakulti dan universiti dapat dilaksanakan dengan efektif. Dalam bidang jaringan industri dan keusahawanan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, program-program ini di rancang dan dilaksanakan dengan baik oleh tenaga sumber manusia fakulti di mana ia boleh di lihat dengan pertambahan bilangan MoU, pertambahan bilangan program yang dilaksanakan, peningkatan pencapaian PI fakulti yang semakin meningkat dan dapat dipenuhi sebanyak 100% dan pelbagai lagi. Ini sangat membanggakan fakulti dan juga memberi kesan yang baik juga kepada UiTM.

**BUKTI 7.2.2 TAHAP HASIL PENCAPAIAN FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI**

**BUKTI 7.2.3 TREN HASIL YANG POSITIF/NEGATIF FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI**

**BUKTI 7.2.4 PERBANDINGAN TANDA ARAS /BENCHMARK**

**BUKTI 7.2.5 KEPENTINGAN KEPADA FAKULTI, UITM DAN NEGARA**

##### **7.2.2 TAHAP(Level)**

**BUKTI :** [H2\\_F0065\\_HB02\\_20231\\_FPA LAMPIRAN HASIL 7.2.2 \(LEVEL\).pdf](#)

##### **7.2.3 TREN (Trend)**

**BUKTI :** [H2\\_F0065\\_HB03\\_20232\\_FPA LAMPIRAN HASIL 7.2.3 \(TREN\).pdf](#)

##### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

**BUKTI :** [H2\\_F0065\\_HB04\\_20233\\_FPA LAMPIRAN HASIL 7.2.4 \(PERBANDINGAN TANDA ARAS-BENCHMARK\).pdf](#)

##### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

**BUKTI :** [H2\\_F0065\\_HB05\\_20234\\_FPA LAMPIRAN HASIL 7.2.5 \(IMPORTANCE\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Tumpuan kepada operasi

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pada tahun 2021 dan 2022, pelbagai projek telah dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan MASMED yang memberi hasil dan pulangan sewajarnya dari pelbagai aspek. Setiap hasil yang dinilai dapat diukur dari keberkesanan operasi yang telah dilaksanakan. Secara umumnya segala hasil terutamanya sebanyak 21 MoU dan MoA yang telah ditandatangani amatlah membanggakan warga fakulti. Melalui projek tersebut, ia telah memberi impak yang besar kepada staf dan pelajar khususnya. Pelbagai program yang berteraskan jaringan industri dan keusahawanan program telah dilaksanakan dengan tujuan membantu pelajar dari keciciran bagi mendapatkan informasi terkini serta pekerjaan walaupun program hanya dijalankan secara dalam talian. Pelaksanaan program akan sentiasa berterusan dan akan dipantau oleh para para coordinator setiap bahagian. Program pelajar terutamanya keusahawanan dapat menghasilkan usahawan baharu dikalangan graduan FPA secara khususnya. Penglibatan kesemua staf termasuk akademik dan sokongan yang mana bertindak sebagai penasihat kelab/persatuan dan pengiring dalam menjalankan aktiviti pelajar. Justeru itu, peningkatan program yang dijalankan di fakulti akan meningkatkan pencapaian KPI fakulti dan secara tidak langsung akan memberi impak pada UiTM. Ini telah dibuktikan dengan pencapaian strategik tahun 2022 yang meningkat dari tahun sebelumnya.

7.2.2 menunjukkan tahap peningkatan MoU dan MoA yang ditandatangani pada tahun 2021 dan 2022.

7.2.3 menunjukkan data peratusan perancangan strategik yang menunjukkan peningkatan kesan dari kecekapan operasi yang berterusan dari warga fakulti.

7.2.4 menunjukkan perbandingan tanda aras pencapaian FPA di dalam projek yang berteraskan jaringan industri dan keusahawanan mengikut peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

7.2.5 menunjukkan program jaringan industri dan keusahawanan yang dijalankan sepanjang tahun 2021 dan 2022

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB02\\_20231\\_FPA\\_7.3.2\\_Gambarajah.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB03\\_20232\\_FPA\\_7.3.3\\_Gambarajah.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB04\\_20233\\_FPA\\_7.3.4\\_Gambarajah.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB05\\_20234\\_FPA\\_7.3.5\\_Gambarajah.pdf](#)